

ADAT DAN PANTANG LARANG DALAM ASPEK
PERKAHWINAN MASYARAKAT TIDUNG, KAJIAN KES
DI KAMPUNG KALABAKAN, TAWAU

NORSURIATI BINTI ABDUL KHAMAD

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

2022



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**ADAT DAN PANTANG LARANG DALAM ASPEK
PERKAHWINAN BAGI MASYARAKAT TIDUNG,
KAJIAN KES DI KAMPUNG KALABAKAN, TAWAU**

OLEH:

NORSURIATI BINTI ABDUL KHAMAD

Projek Penyelidikan Ini Diserahkan Untuk Memenuhi Syarat Kelayakan
Bagi Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2022

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh _____ hingga _____

SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia



NORSURIATI BINTI ABDUL
KHAMAD

DR. NORAZLINDA BT MOHAMED
ROSDI

Tarikh:

Tarikh:

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila keipilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

THESIS DECLARATION

I hereby certify that the work embodied in this thesis is the result of the original research and has not been submitted for a higher degree to any other University or Institution.

OPEN ACCESS

I agree that my thesis is to be made immediately available as hardcopy or on-line open access (full text)

EMBARGOES

I agree that my thesis is to be made available as hardcopy or on-line (full text) for a period approved by the Post Graduate Committee.
Date from _____ until _____

CONFIDENTIAL

(Contains confidential information under the Official Secret Act 1972) *

RESTRICTED

(Contains restricted information as specified by the organization where research was done) *

I acknowledge that University Malaysia Kelantan reserves the right as follows.

1. The thesis is the property of University Malaysia Kelantan.
2. The library of University Malaysia Kelantan has the right to make copies for the purpose of research only.
3. The library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.



SIGNATURE

980711-12-6598

IC/PASSPORT NO.

Date:



SIGNATURE OF SUPERVISOR

DR. NORAZLINDA BT. MOHAMED ROSDI

NAME OF SUPERVISOR

Date:

Note: * If the thesis is CONFIDENTIAL OR RESTRICTED, please attach the letter from the organization stating the period reasons for confidentiality and restriction.

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t ...

Bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat saya menyelesaikan projek penyelidikan yang telah saya berusaha bersungguh-sungguh selama ini yang bertajuk Adat dan Pantang Larang dalam Perkahwinan Bagi Masyarakat Tidung, Kajian Kes di Kampung Kalabakan, Tawau. Seterusnya, setinggi-tinggi penghormatan dan ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada Dr. Norazlinda binti Mohamed Rosdi selaku pensyarah sekaligus penyelia saya dalam projek penyelidikan yang banyak memberikan sokongan, dorongan, tunjuk ajar serta kritikan yang membina dan memberangsangkan kepada diri saya sepanjang menyiapkan kajian ini sehingga saya dapat menghasilkan sebuah penyelidikan mengenai kajian. Setiap didikan dan ajaran yang beliau berikan teramat saya hargai.

Selain itu, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada kedua ibu bapa serta adik beradik saya. Hal ini kerana, mereka turut bersama memberikan sokongan moral kepada saya sama ada dari segi tenaga, fizikal, kewangan dan masa sepanjang saya menjalankan kajian ataupun semasa saya pergi ke kawasan kajian. Dorongan dan sokongan mereka yang telah memberikan semangat kepada diri saya untuk menjayakan projek penyelidikan ini. Di samping itu, saya turut mengucapkan terima kasih kepada kesemua rakan-rakan seperjuangan saya yang bersama-sama dengan saya dalam menyiapkan kajian sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Rakan-rakan yang banyak memberikan pandangan serta berkongsi pendapat dan memberikan bahan rujukan dalam memastikan kajian ini dapat disiapkan.

Akhir sekali, saya berharap agar kajian ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan juga pengkaji yang akan membuat tajuk kajian mengenai projek penyelidikan ini. Saya juga berharap dengan adanya penyelidikan ini ia dapat menambahkan ilmu pengetahuan serta membuka minda masyarakat mengenai kepentingan kajian ini.

**ADAT DAN PANTANG LARANG DALAM ASPEK PERKAHWINAN SUKU
KAUM TIDUNG KAJIAN KES DI KAMPUNG KALABAKAN, TAWAU**

ABSTRAK

Masyarakat yang hidup dalam sesebuah komuniti yang mempunyai adat dan budaya yang diamalkan sejak zaman nenek moyang lagi dapat dijadikan sebagai satu warisan di bawah warisan tidak ketara. Dalam konteks kajian ini, adat resam perkahwinan yang diamalkan oleh masyarakat Tidung sejak dahulu dapat melambangkan identiti suku kaum tersebut. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini menerangkan mengenai adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi masyarakat Tidung kajian kes di kampung Kalabakan, Tawau. Kajian ini dilakukan kerana kebanyakan masyarakat Tidung di kampung tersebut berpegang pada agama islam dan mereka merasakan bahawa adat dan pantang larang dalam perkahwinan ini mempunyai unsur-unsur khurafat. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi suku kaum Tidung, mengkaji sejauhmana penerimaan generasi muda terhadap adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi suku kaum Tidung serta membincangkan cara untuk mengekalkan adat dan pantang larang dalam perkahwinan. Kaedah kajian pula melibatkan kaedah kualitatif seperti melakukan pemerhatian ke kawasan kajian, menemu bual secara semi struktur terhadap 10 orang responden serta melalui kajian kepustakaan untuk mendapatkan gambaran awal mengenai tajuk kajian. Kaedah analisis data dalam kajian ini melibatkan analisis tematik yang mana hasil temubual yang dilakukan akan dipindahkan dalam bentuk transkripsi. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa adat dan pantang larang dalam perkahwinan suku kaum Tidung seperti adat melambung, adat terbuka, adat berudot dan banyak lagi. Seterusnya, penerimaan generasi muda mengenai adat dan pantang larang dalam perkahwinan suku kaum Tidung untuk generasi akan datang adalah relevan untuk diamalkan. Oleh yang demikian, hasil kajian yang diperoleh membincangkan cara untuk mengekalkan adat dan pantang larang dalam perkahwinan masyarakat Tidung seperti mengadakan pameran, membuat penyelidikan dan menerbitkan satu dokumentari.

Kata Kunci : warisan tidak ketara, perkahwinan, adat dan pantang larang

MALAYSIA
KELANTAN

**CUSTOMS AND PROHIBITED PROHIBITIONS IN THE ASPECTS OF
TIDUNG TRIBE MARRIAGE CASE STUDY IN KAMPUNG KALABAKAN,
TAWAU**

ABSTRACT

A society that lives in a community that has customs and cultures that have been practiced since the time of our ancestors can be made as a heritage under intangible heritage. In the context of this study, the wedding customs practiced by the Tidung community since ancient times can symbolize the identity of the tribe. The study conducted by this researcher describes the customs and taboos in marriage for the community Tidung case study in the village of Kalabakan, Tawau. This study was conducted because most of the Tidung community in the village adheres to Islam and they feel that the customs and taboos in this marriage have elements of superstition. Therefore, this study was conducted to identify customs and taboos in marriage for the Tidung tribe, examine the extent of the younger generation's acceptance of customs and taboos in marriage for the Tidung tribe and discuss ways to maintain customs and taboos in marriage. The research method involves qualitative methods such as conducting observations of the study area, semi-structured interviews with 10 respondents, and a literature review to get an initial overview of the topic of the study. The method of data analysis in this study involves thematic analysis in which the results of the interviews conducted will be transferred in the form of transcripts. The results of the study found that there are some customs and taboos in the marriage of the Tidung tribe such as the custom of inflating, the custom of breaking fast, the custom of berudot, and more. Next, the younger generation's acceptance of customs and taboos in Tidung tribal marriages for future generations is relevant to practice. Therefore, the results of the study discuss ways to maintain customs and taboos in the marriage of the Tidung community such as holding exhibitions, doing research, and publishing a documentary.

Keywords : intangible heritage, marriage, customs and taboos

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
PERAKUAN TESIS	i
THESIS DECLARATION	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI GAMBAR	x
SENARAI PETA	xi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI CARTA ALIR	xi
BAB I PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Permasalahan Kajian	2
1.4 Persoalan Kajian	3
1.5 Objektif Kajian	3
1.6 Skop Kajian	4
1.7 Kepentingan Kajian	4
1.7.1 Individu	5
1.7.2 Masyarakat	5
1.7.3 Institusi	5
1.8 Kesimpulan	5
BAB II KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	7
2.2 Sorotan Kajian Lepas	7
2.2.1 Adat dan Pantang Larang	7

	2.2.2 Perkahwinan	9
	2.2.3 Warisan Tidak Ketara	11
2.3	Kerangka Teori	11
2.4	Kesimpulan	13
BAB III	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	14
3.2	Kerangka Konsep Kajian	14
3.3	Reka Bentuk Kajian	16
3.4	Teknik Pengumpulan Data	16
	3.4.1 Data Primer	17
	3.4.2 Data Sekunder	17
3.5	Persampelan	18
3.6	Instrumen Kajian	18
	3.6.1 Telefon Bimbit	19
	3.6.2 Perakam Suara	19
	3.6.3 Kertas dan Pen	19
	3.6.4 Buku Catatan	19
3.7	Analisis Data	20
3.8	Kesimpulan	21
BAB IV	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	23
4.2	Analisis Dapatan Temubual	24
4.3	Adat dan Pantang Larang Dalam Perkahwinan Bagi Suku Kaum Tidung	27
	4.3.1 Adat Sebelum Perkahwinan Suku Kaum Tidung	27
	4.3.2 Adat Semasa Perkahwinan Suku Kaum Tidung	33
	4.3.3 Adat Selepas Perkahwinan Suku Kaum Tidung	38
	4.3.4 Pantang Larang Dalam Perkahwinan Masyarakat Suku Kaum Tidung	38
4.4	Penerimaan Generasi Muda Terhadap Adat dan Pantang Larang Dalam Perkahwinan Suku Kaum Tidung	41

4.5	Cara untuk Mengekalkan Adat dan Pantang Larang Dalam Perkahwinan Suku Kaum Tidung	50
4.5.1	Mewujudkan Tempat Pameran Berkaitan Adat dan Pantang Larang Dalam Perkahwinan Suku Kaum Tidung	50
4.5.2	Menerbitkan Satu Dokumentari Berkaitan Adat dan Pantang Larang Perkahwinan Suku Kaum Tidung	51
4.5.3	Membuat Penyelidikan Tentang Adat dan Pantang Larang Dalam Perkahwinan Suku Kaum Tidung	52
4.5.4	Membuat Satu Blog atau Artikel Berkaitan Adat dan Pantang Larang Dalam Perkahwinan Suku Kaum Tidung	52
4.5.5	Membuat Satu Aplikasi Tentang Adat dan Pantang Larang Dalam Perkahwinan Suku Kaum Tidung	53
4.6	Kesimpulan	54
BAB V	PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN	
5.1	Pengenalan	55
5.2	Perbincangan	55
5.3	Cadangan	57
	5.3.1 Peranan Kerajaan	57
	5.3.2 Peranan Sekolah	58
	5.3.3 Peranan Masyarakat	58
	5.3.4 Peranan Individu	58
5.4	Rumusan	59
	RUJUKAN	61
	LAMPIRAN A	63
	LAMPIRAN B	64

SENARAI GAMBAR

NO GAMBAR		HALAMAN
Gambar 1	Upacara Bertunang	30
Gambar 2	Upacara Berbedak	31
Gambar 3	Acara Bermain Kompang	33
Gambar 4	Adat Menabur Beras Kuning	34
Gambar 5	Adat Memijak Batu Asah	36
Gambar 6	Lelaki Duduk Di Atas Kasur	36
Gambar 7	Adat Berbuka	37
Gambar 8	Tarian Suku Kaum Tidung	38
Gambar 9	Mandian Bunga	40

SENARAI PETA

NO PETA		HALAMAN
Peta 1	Peta Daerah Tawau	2

SENARAI JADUAL

NO JADUAL		HALAMAN
Jadual 1	Kod Informan	24

Jadual 2	Demografi Golongan Tua	26
Jadual 3	Demografi Golongan Muda	26
Jadual 4	Huraian Tema Dan Subtema Temubual	27

SENARAI CARTA ALIR

NO CARTA ALIR

HALAMAN

Carta Alir 1	Adat Dan Pantang Larang Dalam Aspek Perkahwinan Masyarakat Tidung Di Kampung Kalabakan	16
Carta Alir 2	Proses Analisis Data	20

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Adat dapat ditakrifkan sebagai suatu budaya atau amalan yang diamalkan oleh sesebuah komuniti masyarakat ataupun kaum sejak dari zaman dahulu lagi dan masih digunakan oleh setiap generasi dan adat ini dijaga dan dipelihara dengan baik. Pantang larang pula dapat didefinisikan sebagai suatu disiplin lisan yang tidak boleh dilanggar peraturannya dan ia wujud serta masih diamalkan oleh sebahagian besar masyarakat.

Manakala perkahwinan pula membawa maksud suatu hubungan yang terikat di antara dua individu lelaki dan perempuan yang diiktiraf oleh pihak berkuasa agama atau sivil mengikut kepercayaan agama masing-masing. Perkahwinan ini juga merupakan suatu perjanjian undang-undang yang terikat dengan janji-janji mengakibatkan ia sukar untuk ditafsirkan.

Oleh yang demikian, tajuk kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah berkaitan dengan adat dan pantang larang dalam aspek perkahwinan masyarakat Tidung di Sabah.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Pada awalnya, masyarakat Tidung ini berasal dari Kalimantan Utara yang hampir keseluruhan penduduknya menetap di sebuah pulau yang dikenali sebagai Pulau Tarakan yang terletak di Indonesia. Selain itu juga, suku kaum Tidung ini merupakan suku kaum yang tinggal di kawasan Tenggara Sabah iaitu daerah Sebatik dan Tawau. Suku kaum ini merupakan pecahan suku di bawah suku Dayak Murut dan hampir sebilangan kawasan di bahagian Tawau didiami oleh suku kaum ini. Terdapat beberapa suku kaum yang agak dikenali di daerah Tawau yang terdiri daripada Tidung Mabuala, Kalumpang, Apas, Indrasabah, Pasir Putih, Tidung Kalabakan dan sebagainya. Suku kaum Tidung menggunakan Bahasa Melayu untuk berkomunikasi dengan etnik lain di sekitarnya seperti kaum Idahan, Bajau, Suluk dan banyak lagi kaum lain yang ada di Sabah.



Peta 1 : Peta Daerah Tawau

Sumber: Google

Selain itu, perkataan tidung diambil daripada tideng mahupun tiding yang membawa maksud bukit atau gunung. Disebabkan oleh, masyarakat Tidung pada masa itu mengamalkan amalan berpindah randah menyebabkan mereka banyak menerima pengaruh budaya daripada luar seperti nelayan dan juga pedagang muslim sepanjang perpindahan mereka.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian merupakan fokus utama dalam menghasilkan kajian ini yang mana disebabkan perubahan arus kemodenan yang berlaku pada masa kini telah mengakibatkan adat dan pantang larang sesuatu kaum hampir dilupakan oleh generasi muda.

Selain itu, masalah kajian ialah kurang penghayatan dalam diri masyarakat untuk meneruskan adat serta pantang larang sesuatu kaum seperti kaum Tidung yang mana adat dan pantang larang yang diamalkan ini dianggap membebankan kerana terdapat pelbagai peraturan atau tatacara yang perlu dituruti sepanjang melaksanakan upacara tersebut. Secara tidak langsung, ia akan menyebabkan adat dan pantang larang yang telah diamalkan oleh nenek moyang sejak dahulu lagi akan dilupakan begitu sahaja.

Di samping itu, masyarakat Tidung pada masa kini banyak yang memegang agama islam. Oleh sebab itu, mereka merasakan bahawa adat dan pantang larang yang diamalkan dalam perkahwinan ini bercanggah dengan ajaran islam menyebabkan mereka kurang mengamalkan serta menerapkan adat dan pantang larang dalam perkahwinan.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Terdapat tiga persoalan kajian yang dikemukakan oleh pengkaji bagi kajian ini iaitu :

- i) Apakah jenis adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi suku kaum Tidung ?
- ii) Bagaimanakah penerimaan generasi muda terhadap adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi suku kaum Tidung ?
- iii) Apakah cara untuk mengekalkan adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi suku kaum Tidung ?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian biasanya dibina selepas persoalan kajian ditimbulkan oleh pengkaji dalam sesebuah kajian. Dalam kajian ini, pengkaji telah menetapkan tiga objektif kajian. Antara objektif kajian tersebut ialah :

- i) Mengenalpasti adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi suku kaum Tidung.
- ii) Mengkaji sejauhmana penerimaan generasi muda terhadap adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi suku kaum Tidung.
- iii) Membincangkan cara untuk mengekalkan adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi suku kaum Tidung.

1.6 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu kawasan kajian dan aspek yang dikaji bagi tujuan memudahkan pengkaji mengetahui batasan kajian. Dari segi kawasan kajian, kajian ini hanya tertumpu di sekitar kawasan Kalabakan di Tawau, Sabah. Hal ini kerana, pengkaji memilih kawasan ini disebabkan oleh kebanyakan penduduk suku kaum Tidung tinggal di kawasan ini sekaligus ia memudahkan pengkaji untuk memperoleh maklumat mengenai tajuk kajian pengkaji.

Selain itu, dari segi aspek yang dikaji pula terdapat tiga aspek yang difokuskan iaitu mengenai adat dan pantang larang dalam perkahwinan suku kaum Tidung di Sabah, menyatakan sejauhmana adat dan pantang larang dalam perkahwinan suku kaum Tidung masih diamalkan oleh masyarakat pada masa dan cara untuk mengekalkan adat dan pantang larang ini.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Dengan adanya kajian ini dilakukan ia dapat memberikan manfaat dan juga faedah kepada beberapa pihak yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung dalam memelihara dan menjaga adat resam sesuatu kaum. Hal ini bertujuan bagi mengelakkan pihak yang tidak bertanggungjawab secara sewenang-wenangnya menyatakan bahawa adat resam tersebut merupakan hak milik mereka. Kepentingan kajian ini dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu terhadap pengkaji, masyarakat dan juga institusi-institusi tertentu.

1.7.1 Individu

Kepentingan kajian ini dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu terhadap pengkaji, masyarakat dan juga institusi-institusi tertentu. Oleh yang demikian, kepentingan kajian ini terhadap pengkaji adalah pengkaji dapat mengetahui adat dan pantang larang dalam aspek perkahwinan suku kaum tidung sekaligus menambah ilmu pengetahuan pengkaji mengenai suku kaum tersebut.

1.7.2 Masyarakat

Di samping itu, kepentingan kajian ini kepada masyarakat pula dapat memberikan kesedaran terhadap masyarakat tempatan betapa pentingnya adat dalam menjalani kehidupan seharian sebagai panduan hidup mereka. Hal ini disebabkan oleh, pengamalan sesuatu adat dalam sesebuah masyarakat dapat mewujudkan suasana yang harmoni dan teratur.

1.7.3 Institusi

Bagi kepentingan kajian terhadap institusi pula, ia dapat membantu institusi seperti perpustakaan dalam menambahkan maklumat kajian yang diperoleh sebagai sumber rujukan bagi memudahkan pelajar dalam proses pembelajaran.

1.8 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dalam bab ini menjelaskan mengenai cadangan awal kajian yang mana melibatkan pengenalan, latar belakang, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian dan kepentingan kajian. Pengkaji menerangkan secara sepintas lalu mengenai kajiannya bagi memudahkan kerangka kajian dilakukan sekaligus dapat memperoleh maklumat dengan lebih sistematik.

Dalam bab ini juga, pengkaji dapat menilai serta mengenalpasti fokus utama kajian melalui persoalan dan objektif kajian ini. Oleh yang demikian, pengkaji akan merangka kaedah kajian yang akan digunakan dalam bab yang seterusnya.

Dengan adanya kajian ini, pengkaji berharap agar dapat membantu pengkaji-pengkaji akan datang menambah maklumat untuk menghasilkan karya yang lebih banyak berkaitan dengan tajuk adat dan pantang larang dalam aspek perkahwinan suku kaum Tidung.

MALAYSIA

KELANTAN

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Dalam bab ini akan membincangkan serta menerangkan tentang kajian-kajian yang telah dilakukan sebelum ini terhadap adat istiadat perkahwinan, pantang larang dan sebagainya oleh sesebuah organisasi ataupun individu. Selain itu, ulasan mahupun pendapat pengkaji mengenai kajian dan buku terdahulu berkaitan tajuk kajian pengkaji turut dinyatakan dalam bab ini sebagai rujukan kepada pengkaji.

2.2 SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.2.1 Adat Dan Pantang Larang

Menurut Undang-Undang Adat Melayu (2013) mentakrifkan bahawa perkataan adat berasal dari bahasa Arab yang mana secara umumnya adat membawa maksud hak untuk melakukan sesuatu penggunaan yang biasa yang mana berlaku perubahan dalam semua hal yang berkaitan dengan budaya dan tingkah laku sosial sesuatu kaum. Oleh itu, hal ini akan menggambarkan peraturan atau etika sesuatu upacara yang diadakan dalam majlis-majlis tertentu seperti perkahwinan serta adat istiadat yang mempunyai akibat apabila tidak diendahkan dan diamalkan oleh masyarakat. Oleh sebab itu, peraturan adat yang telah ditetapkan akan membatasi kebebasan masyarakat tersebut. Secara tidak langsung, adat dapat ditakrifkan sebagai kod tingkah laku dan sosial yang

tidak bertulis yang mana ia dilihat telah mengatur masyarakat Melayu. Menurut Radik Taim (2014), yang menulis tentang “Adat Resam dan Pantang Larang Suku Kaum di Sabah” menyatakan bahawa terdapat beberapa adat resam dan juga pantang larang yang perlu dituruti oleh masyarakat termasuklah adat sebelum perkahwinan seperti merisik, meminang, dan juga adat ketika majlis perkahwinan berlangsung seperti mara-mara, ngelente dan sebagainya

Selain itu, menurut Omar (2012), dalam penulisannya yang bertajuk “Adat Perkahwinan Masyarakat Jawi Peranakan India Islam” menjelaskan bahawa adat merisik bagi masyarakat Jawi Peranakan kebiasaannya dilakukan oleh pihak pengantin lelaki yang diwakili oleh ibu bapa mereka akan tetapi jika calon pengantin lelaki tidak lagi bersedia untuk berumahtangga adat ini tidak lakukan. Adat ini cukup sahaja hanya mengetahui mengenai latar belakang calon perempuan daripada saudara-mara dan jiran tetangga.

Di samping itu, menurut Wan Ramli Wan Muhammad (2006), sepertimana yang ditulis di dalam penulisannya yang bertajuk “Adat Resam Masyarakat Malaysia” menghuraikan bahawa adat istiadat perkahwinan setiap kaum adalah berbeza-beza mengikut suku kaum yang lain. Namun begitu, bagi suku kaum orang asli para pengantin hendaklah mendengar nasihat yang diberikan oleh sesiapa sahaja yang hadir terutamanya golongan tua mengenai tanggungjawab masing-masing.

Menurut Hamidah Abdul Wahad (2013) dalam kajiannya “Petua Dan Pantang Larang Tradisional Dalam Alam Melayu Sarawak” menerangkan bahawa petua dan pantang larang sering memiliki perkaitan yang rapat dengan unsur kepercayaan animisme dalam kalangan masyarakat tradisional Melayu Sarawak. Namun begitu, ia mempunyai batas-batas tertentu yang bersesuaian dengan ajaran agama Islam. Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) pula pantang larang adalah sesuatu perkara yang ditegah daripada melakukannya yang mana ia berhubung rapat dengan kepercayaan serta adat sesuatu komuniti masyarakat. Manakala larang membawa maksud mencegah diri daripada melakukan sesuatu yang melanggar hukum. Secara amnya, pantang larang ini merupakan sesuatu perkara yang dilarang daripada melakukannya bagi mengelakkan terjadi perkara yang tidak ingini.

Seterusnya, menurut Ani Haji Omar (2014), terdapat kajian yang dilakukan mengenai bahasa pantang larang dalam kalangan komuniti Melayu yang mana dalam kajian tersebut membahaskan berkaitan dua aspek iaitu pantang larang yang berhubung kekeluargaan, moral dan sosial serta kesihatan dan penyakit yang berhubungkait dengan bahasa pantang larang. Selain itu juga, menurut Abd.Naddin Hj.Shaiddin et.al (2014) menjelaskan bahawa kajian mengenai adat resam dan pantang larang dalam kalangan masyarakat di Sabah yang mana kajian dilakukan bagi mengulas berkaitan adat resam dan pantang larang suku kaum Kadazan Dusun serta mengetahui kelainan yang ada dalam suku kaum tersebut serta sub suku kaum yang lain.

Di samping itu, menurut Siti Hajar Abdul Aziz (2008) “pantang” ialah suatu larangan yang diberikan bagi mengelakkan seseorang individu itu melaksanakan perkara yang mana jika dilakukan dipercayai akan berlaku nasib buruk. Oleh sebab itu, dengan adanya kewujudan bahasa pantang larang yang ada dalam komuniti Melayu dapat menghalang seseorang ataupun kelompok masyarakat daripada melakukan tingkah laku yang kurang sopan. Jika seseorang individu melanggar pantang larang, ia akan menimbulkan perkara buruk atau hal yang tidak diinginkan akan berlaku. Hal ini kerana, jika mereka melanggar pantang tersebut malapetaka bukan sahaja menimpa dirinya akan tetapi akan menyebarkan ke orang lain (Effendi T. 1990).

2.2.2 Perkahwinan

Perkahwinan merupakan suatu ikatan penyatuan ataupun merapatkan hubungan di antara dua jantina yang berlainan iaitu lelaki dan perempuan yang bertujuan untuk menggapai sebuah kemajuan dari segi kegembiraan dalam menyahut seruan Allah bagi melahirkan serta meneruskan zuriat di atas muka bumi. Selain itu, kematangan dalam berfikir untuk mencapai satu keputusan bersama agar hubungan di antara dua insan lebih aman dan damai juga merupakan tujuan sebuah perkahwinan dilakukan. (Robiah K.Hamzah , 2001). Selain itu, terdapat dua kesan dalam sesebuah alam perkahwinan yang terdiri daripada kesan positif dan kesan negatif. Hal ini kerana, ia tertakluk kepada sesebuah perkahwinan tersebut yang mana dari sudut positif

merupakan satu komunikasi yang baik antara pasangan yang terdiri daripada kepuasan, kebahagiaan dan sebagainya dalam alam perkahwinan. Namun begitu, berbeza dengan dari sudut negatif ia melibatkan berlakunya perselisihan faham, ketidakstabilan rumah tangga dari segi ekonomi serta masalah lain yang wujud dalam sesebuah perkahwinan tersebut.

Menurut Mohd Fuad Abdullah (1989) di dalam penulisannya yang bertajuk “Melangkah Ke Jinjang Pelamin” menyatakan berkaitan adat perkahwinan bagi masyarakat Melayu di Sabah. Akan tetapi, kajian ini hanya memfokuskan kepada suku kaum yang ada di negeri Sabah seperti Bajau, Brunei, Kadayan, dan Bisaya. Pada pandangan beliau sesebuah upacara perkahwinan yang diadakan di Sabah merupakan suatu perihal yang harus dilakukan mengikut aturan atau adat yang telah ditetapkan oleh kaum tersebut. Beliau turut berpendapat bahawa adat istiadat merupakan tata tertib ataupun susunan yang dilakukan sebagai suatu kebiasaan dalam majlis-majlis tertentu bagi meraikan sesebuah peristiwa seperti perkahwinan, pertabalan dan sebagainya serta sesuatu hal yang melibatkan benda dan juga manusia. Manakala perkahwinan pula dapat ditakrifkan sebagai satu ijab dan kabul yang mengikut istilah syarak yang mana ia menghalalkan hubungan antara berlainan jantina iaitu lelaki dan perempuan mengikut syarat yang ditetapkan dalam Islam.

Selain itu, menurut Khati Galis (1990) di dalam penulisannya yang bertajuk “Adat Perkahwinan Masyarakat Bisaya Di Sarawak” menjelaskan mengenai sebuah kajian berkaitan dengan adat perkahwinan suku kaum Bisaya. Pada pandangan beliau, sebuah perkahwinan yang diadakan oleh suku kaum ini berpandukan amalan serta kepercayaan ritual yang mereka amalkan sejak dahulu lagi walaupun wujudnya media massa serta pengaruh budaya yang lain. Akan tetapi, bagi masyarakat ini mereka masih menggunakan tatacara ataupun susunan yang telah diturunkan dari zaman nenek moyang mereka dalam mengadakan sesebuah upacara perkahwinan tersebut. Beliau juga memberikan pandangan mengenai takrifan adat resam iaitu satu amalan atau perilaku yang sudah menjadi kebiasaan sesuatu kaum serta diadaptasi dalam sesebuah upacara. Hal ini kerana, adat resam ini menggambarkan identiti serta ciri sesuatu komuniti masyarakat tersebut. Tambahan pula, Khati turut berpendapat mengenai perkahwinan yang mana ia membawa maksud suatu aturan atau peraturan

yang sering menjadi amalan oleh komuniti masyarakat yang berhubungkait dengan penyatuan antara lelaki dan wanita. Secara amnya, dapat disimpulkan sebuah takrifan mengenai konsep perkahwinan adalah berbeza-beza antara tokoh-tokoh dan penulis. Namun begitu, pada kefahaman masa kini perkahwinan merupakan satu hubungan yang sah mengikut aturan agama masing-masing serta penyatuan ikatan antara dua insan yang berlainan jantina bagi menghalalkan hubungan bagi melakukan sebuah perhubungan intim dan mendirikan sebuah rumahtangga yang aman dan harmoni.

2.2.3 Warisan Tidak Ketara

Menurut Mohamed Anwar Omar Din (2007), sifat tamak yang ada dalam diri manusia serta peredaran arus zaman ke arah pemodenan terhadap warisan budaya tidak ketara akan mengakibatkan ancaman dan kerugian kepada sesebuah negara. Oleh sebab itu, pihak yang bertanggungjawab haruslah menitikberatkan serta mengambil tindakan yang serius terhadap warisan ini kerana ia amat berharga dan juga melambangkan identiti sesebuah bangsa. Hal ini juga melibatkan kesenian dan kebudayaan yang diamalkan oleh sesebuah komuniti masyarakat dapat membentuk jati diri mereka. Warisan budaya tidak ketara bermaksud sesuatu perbuatan atau perlakuan yang wujud hasil daripada ciptaan ataupun sumber alam bagi melengkapi kehidupan seharian sesuatu komuniti masyarakat. Ilmu pengetahuan serta kepakaran yang ada dalam diri seseorang itu mungkin diterima olehnya melalui pengalaman yang mana ia diwariskan melalui mimpi atau dipelajari olehnya dari nenek moyang terdahulu. Warisan budaya tidak ketara ini dapat diwariskan secara turun--temurun iaitu dari satu generasi ke satu generasi yang lain (Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, 2015).

Seterusnya, warisan budaya tidak ketara dapat dikaitkan dengan sesuatu upacara yang diraikan berpandukan kepercayaan yang dilakukan oleh kepelbagaian etnik pribumi yang ada di negara Malaysia. Hal ini kerana, sesuatu perayaan atau upacara yang diadakan itu berpandukan seberapa penting peristiwa itu dilakukan sama ada upacara tersebut besar atau kecil. Sebagai contoh, masyarakat Melayu Islam akan mengadakan perayaan pada bulan islam yang bertujuan bagi mengucapkan tanda kesyukuran kepada Allah S.W.T iaitu hari raya puasa dan hari raya haji yang diadakan

secara sederhana (Mohammed Anwar Omar Din, 2008 ; Hood Salleh, 2006 dan Mohd Taib Osman, 1989). Tambahan pula, menurut artikel Konvensyen UNESCO 2003 menjelaskan bahawa warisan budaya tidak ketara melibatkan suatu amalan serta pengetahuan yang diturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain untuk diamalkan dalam kehidupan seharian dan akan berlaku perubahan mengikut kesesuaian dari segi cara hidup dan interaksi dengan alam sekitar. Menurut artikel ini juga ada menyatakan bahawa warisan budaya tidak ketara merupakan sesuatu hal yang diketahui pada masa kini dan menjadi amalan seharian masyarakat

2.3 KERANGKA TEORI

Dalam sesebuah penyelidikan ataupun kajian yang dijalankan penggunaan kerangka teori sangat dititikberatkan bagi menjalankan penyelidikan yang berfungsi sebagai garis panduan dalam kajian. Hal ini kerana, sesuatu kerangka teori yang digunapakai oleh pengkaji dapat menghasilkan suatu penyelidikan yang lebih sistematik dan teratur bagi memahami faktor-faktor yang dijalankan dalam kajian. Menurut Scupin dan De Corse (1995) mentakrifkan bahawa teori merupakan salah satu cabang hipotesis yang saling tidak berhubung yang mana ia memberikan penerangan secara khusus bagi kejadian untuk semula jadi atau sosial. Teori merupakan sebuah pandangan mengenai penyebab atau kaedah sesebuah fakta berlaku (Macionis, 1997).

Dalam konteks kajian ini, pengkaji telah memilih teori fungsionalisme yang mana teori ini merupakan sebuah teori berkaitan komuniti serta institusi dalam sesebuah organisasi yang saling berkait antara satu sama lain bagi mempertahankan sistem mahupun organisasi itu sendiri. Teori fungsional ini juga melibatkan peranan yang harus dijalankan oleh setiap individu dalam kelompok masyarakat tersebut agar sistem sosial mereka dapat berfungsi dengan baik. Dapat dilihat teori fungsionalisme ini, mempunyai perkaitan dalam adat dan pantang larang perkahwinan bagi memastikan peranan dan fungsi dalam sesebuah upacara dapat dijalankan dengan baik oleh kelompok masyarakat seperti masyarakat Tidung berperanan dalam memastikan adat dan pantang larang tersebut tidak hilang ditelan zaman. Sebagai contoh, ketua adat atau ketua kampung yang mahir dalam adat dan pantang larang

perkahwinan suku kaum ini akan memainkan peranan sebagai penggerak dalam masyarakat tersebut manakala kelompok masyarakat ataupun penduduk pula memainkan peranan dalam menjalankan adat dan pantang larang tersebut dalam upacara perkahwinan. Hal ini bagi memastikan sistem sosial mereka sentiasa berfungsi dengan baik sekaligus ia tidak akan dilupakan oleh masyarakat akan datang lebih-lebih lagi generasi muda.

2.4 KESIMPULAN

Dalam bab kajian literatur, pengkaji telah membuat pecahan kepada tiga bahagian iaitu adat dan pantang larang, perkahwinan, warisan tidak ketara dan kerangka teori. Akan tetapi, disebabkan oleh kurangnya kajian mengenai masyarakat Tidung mengakibatkan carian sorotan mengenai masyarakat ini terhad.

Namun begitu, kajian literatur yang tertakluk dalam bab ini telah memberi gambaran yang jelas berkaitan hala tuju serta idea bagi pengkaji untuk melakukan penyelidikannya nanti. Oleh yang demikian, silibus dalam bab ini hanya menjelaskan mengenai kajian-kajian yang terdahulu yang sudah dibuat oleh penyelidik atau pengkaji serta sorotan kajian yang dibincangkan hanyalah berkaitan dengan tajuk kajian pengkaji. Tambahan pula, kajian lepas yang telah dibuat oleh pengkaji atau penyelidik terdahulu berbeza-beza menyebabkan pengkaji dapat memahami berkaitan topik kajian dengan lebih meluas.

Secara keseluruhannya, dalam bab ini ia menyatakan mengenai carian kajian lepas oleh tokoh-tokoh mengenai tajuk kajian pengkaji yang telah dipecahkan mengikut kategori. Dari segi teori pula, pengkaji menggunakan teori fungsionalisme yang mana ia membincangkan mengenai struktur komuniti masyarakat yang saling memainkan peranan mereka

BAB III

METODOLOGI KAJIAN


3.1 PENGENALAN

Menurut Noresah Baharom (2002) menjelaskan bahawa perkataan metodologi diambil daripada Greek yang mana “Methode” membawa maksud cara manakala “Logos” bermaksud pengajian. Secara tidak langsung, apabila metode dan logos ini disatukan ia disebut sebagai metodologi yang mentakrifkan suatu sistem yang meliputi cara dan prinsip yang mana ia digunapakai dalam satu cara kerja. Selain itu, menurut Sabita Marican (2009), Ahmad Munawwar Ismail dan Mohd Nor Ali (2014), metodologi merupakan suatu cara yang digunapakai bagi melakukan kajian yang sistematik mengikut garis panduan yang baik. Hal ini bertujuan untuk mendapatkan hasil kajian yang teratur. Oleh sebab itu, pengkaji telah sedaya upaya memanfaatkan teori penyelidikan dalam kajian ini.

Oleh itu, dalam bahagian ini pengkaji akan membincangkan berkaitan dengan reka bentuk kajian iaitu kaedah kualitatif dan teknik pengumpulan data yang terdiri daripada data primer dan data sekunder bagi menjawab persoalan-persoalan yang telah dikemukakan lebih awal. Selain itu, metodologi ini dilakukan bagi memastikan objektif dalam kajian ini tercapai mengikut data yang telah digunapakan.

3.2 KERANGKA KONSEP KAJIAN

Kerangka konsep kajian ini digunakan oleh pengkaji sebagai garis panduan untuk meneliti kaedah atau cara dalam kajian pengkaji yang berfungsi memberikan bayangan serta penjelasan yang jelas, ringkas, padat serta mudah difahami. Bagi memberi gambaran mengenai kaedah kajian, kerangka konsep kajian adalah seperti carta alir 1:



Carta Alir 1 : Adat Dan Pantang Larang Dalam Aspek Perkahwinan Masyarakat Tidung Di Kampung Kalabakan

3.3 REKA BENTUK KAJIAN

Rekabentuk kajian merupakan suatu hal atau perkara yang perlu diambil kira dalam sesebuah kajian ataupun penyelidikan.

3.3.1 Kualitatif

Menurut Taylor dan Bogdan (1984), kaedah kualitatif ini bersifat penjelasan atau deskriptif iaitu sebuah penulisan mengenai perilaku manusia. Selain itu, menurut Othman (2006), kaedah kualitatif ini melibatkan perolehan data melalui tinjauan ke kawasan kajian yang mana kaedah kajian yang diambil sangat penting dengan memastikan sumber yang digunakan sahih serta tidak berlaku penipuan data oleh penyelidik. Secara tidak langsung, proses penghasilan dapatan kajian boleh digunapakai dan sah dalam kajian penyelidikan. Namun begitu, ia merujuk kepada sejauh mana hasil kajian itu dapat dikaji serta diterokai dengan lebih tepat. Kesahihan dan kesahan dalam sesuatu kajian itu agak sukar untuk didapatkan disebabkan oleh kaedah kualitatif ini bersifat semula jadi dan sedia ada (Merriam, 2001 dan Wiersma, 2000). Oleh itu, apa yang dapat disimpulkan mengenai hasil dapatan kajian melalui kaedah kualitatif ini tidak dapat diragui hasilnya kerana ia melibatkan proses yang boleh dipercayai dapatan kajiannya.

Dalam kaedah kajian bersifat kualitatif ini bentuk data yang diperoleh berlainan dengan kuantitatif. Hal ini kerana, pengambilan data kualitatif ini berbentuk temubual kepada beberapa responden dan pemerhatian terhadap kawasan kajian.

3.4 TEKNIK PENGUMPULAN DATA

Melalui kaedah ini, data serta maklumat bagi kajian ini dikumpulkan dengan pelbagai kaedah seperti temubual, rujukan dan buku-buku ilmiah sebagai bahan rujukan.

3.4.1 Data Primer

Dalam kaedah ini pengkaji akan melakukan temubual secara formal atau tidak formal. Pada awalnya, pengkaji akan melakukan kaedah tinjauan terlebih dahulu terhadap kawasan kajian dengan bertanya kepada penduduk kampung berkaitan tajuk kajian bagi mempermudah pengkaji untuk mengelaskan maklumat serta memperoleh data. Selain itu, kaedah temubual yang digunakan berbentuk soalan terbuka yang mana pengkaji akan melakukan temuramah terhadap 10 orang informan yang terdiri daripada Ketua Kampung Kalabakan, pasangan suami isteri yang sudah arif mengenai adat perkahwinan masyarakat Tidung, dua orang penduduk kampung yang berbangsa Tidung serta beberapa orang generasi muda sebagai penambah maklumat berkaitan kajian. Selain itu, pengkaji telah menyediakan beberapa soalan untuk ditanya kepada informan akan tetapi pengkaji mungkin akan bertanyakan soalan yang tidak dijelaskan dalam garis awal soalan pengkaji sekiranya kurang pernyataan ataupun maklumat yang diberi oleh golongan generasi tua dan muda. Oleh yang demikian, bentuk-bentuk soalan yang akan diajukan kepada para informan adalah berlainan berdasarkan kesesuaian soalan mengikut latar belakang para informan.

3.4.2 Data Sekunder

Melalui pengumpulan data sekunder ini ia amat penting bagi pengkaji kerana pengkaji akan dapat gambaran awal mengenai kajiannya apabila membuat kajian lapangan. Data ini juga membolehkan pengkaji dapat melakukan sesuatu perubahan terhadap kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu. Seterusnya, dalam kajian ini buku-buku ilmiah, akhbar dan jurnal yang digunapakai sebagai sumber utama bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan oleh pengkaji dan juga kajian kepustakaan turut diperoleh daripada Universiti Malaysia Kelantan, Muzium Sabah dan Perpustakaan Negeri Sabah. Dalam kaedah pustakaan pengkaji mendapatkan maklumat mengenai definisi istilah yang berhubungkait dengan aspek yang dikaji serta kajian-kajian sebelum ini yang berkaitan dengan bahan ilmiah. Di samping itu, kajian pustaka secara alam maya turut digunakan menerusi laman sesawang yang diakses bagi mendapatkan maklumat melalui Google, Google Scholar, Internet Public

Library dan laman-laman sesawang yang lain. Hal ini kerana, hasil carian di laman tersebut tidak terlalu terhad yang mana ia bersifat menyeluruh iaitu boleh merentasi sempadan dan masa. Maklumat yang didapati juga lebih luas skopnya dan ia dilakukan bagi mengambil tahu mengenai perkembangan serta yang berkait dengan tajuk kajian dari sudut konsep ataupun adat perkahwinan itu sendiri.

3.5 PERSAMPELAN

Persampelan ialah salah satu kaedah kajian yang digunakan oleh para penyelidik untuk mendapatkan maklumat berkaitan kajian. Dalam konteks kajian ini, pengkaji juga mengambil inisiatif untuk memperoleh maklumat dengan menggunakan kaedah persampelan. Oleh itu, persampelan yang digunakan oleh pengkaji dalam penyelidikannya adalah persampelan bukan rawak iaitu persampelan bertujuan. Persampelan bertujuan ini merangkumi tumpuan dengan memfokuskan ciri yang tertentu serta fokus terhadap tajuk kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Oleh yang demikian, pengkaji telah membuat satu penyelidikan mengenai adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi masyarakat Tidung di kampung Kalabakan dan pemilihan sampel ini dilakukan dengan hanya menemubual dalam kalangan suku Tidung di kampung Kalabakan.

3.6 INSTRUMEN KAJIAN

Kaedah instrumen kajian ini melibatkan beberapa alat bantu kaji dalam memastikan proses penyelidikan pengkaji dapat berjalan dengan lancar serta dapat menambahkan lagi maklumat berkaitan kajian. Oleh yang demikian, dalam konteks kajian ini pengkaji telah mengenalpasti beberapa peralatan yang sesuai digunakan dalam kajian ini. Antara peralatan yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini adalah seperti berikut :-

3.6.1 Telefon Bimbit

Pengkaji menggunakan peralatan ini bagi memudahkan dalam memperoleh maklumat serta data daripada informan mengenai kajian ini. Pengkaji akan menggunakan aplikasi WhatsApp bagi menghubungi responden dengan menghantar pesanan dan mengemukakan kepada mereka beberapa soalan berkaitan kajian melalui aplikasi tersebut.

3.6.2 Perakam Suara

Pengkaji menggunakan alat bantu kaji ini bagi merakam perbualan pengkaji dengan informan semasa pergi ke kawasan kajian. Ia juga bertujuan bagi merekodkan maklumat yang tidak tercatat dalam buku catatan.

3.6.3 Kertas dan Pen

Pengkaji juga menggunakan alatan ini bagi menulis setiap data serta maklumat yang diperoleh mengenai adat dan pantang larang perkahwinan masyarakat Tidung daripada responden. Kertas dan pen ini turut digunakan semasa sesi temubual bersama responden yang berkaitan dengan tajuk kajian sebagai alat tambahan bukti daripada pihak responden yang telah ditemubual.

3.6.4 Buku Catatan


Pengkaji menggunakan instrumen ini bagi menulis serta mencatat maklumat berkaitan tajuk kajian sewaktu menjalankan pemerhatian serta melakukan sesi temubual dengan informan. Oleh yang demikian, alat bantu kaji ini dapat memudahkan pengkaji merekod serta dijadikan rujukan semasa membuat laporan bertulis.

3.6.5 Kamera

Pengkaji menggunakan alat bantu kaji ini bagi memudahkan serta menjimatkan masa pengkaji dalam merekodkan data. Hal ini kerana, alat bantu kaji kamera ini digunakan oleh pengkaji untuk merakam setiap perbualan atau percakapan pengkaji dengan informan sepanjang sesi temubual berjalan.

3.7 ANALISIS DATA

Analisis data dapat ditakrifkan sebagai sebuah kaedah yang melibatkan penelitian kerana ia berfungsi dalam memberi penyelesaian dalam hasil penelitian. Selain itu, menurut Sugiyono (2010) analisis data merupakan suatu proses mencari maklumat, susun atur data yang diambil daripada temubual, pemerhatian dan dokumentasi yang mana ia diolah menjadi satu informasi yang lengkap agar ia lebih mudah difahami oleh pengkaji.



Carta Alir 2 : Proses Analisis Data

Seterusnya, teknik analisis data yang digunakan oleh pengkaji dalam kajiannya adalah teknik tematik. Berdasarkan carta alir di atas, terdapat beberapa proses analisis data yang terdiri daripada proses transkripsi data yang mana proses ini melibatkan hasil data yang diperoleh daripada responden melalui temubual yang menggunakan telefon bimbit sama ada rakaman suara atau mesej dan dipindahkan dalam bentuk penulisan ilmiah. Proses ini turut dilakukan bagi menyusun atur semula ayat agar lebih sistematik dan mudah untuk difahami.

Langkah yang kedua pula ialah pembacaan semula, pengkaji akan membuat pembacaan semula dengan meneliti hasil-hasil pemerhatian yang telah diperoleh daripada temubual bagi memastikan kajian ini tidak menyimpang daripada tajuk kajian. Ia melibatkan pembacaan secara teliti terhadap hasil pemerhatian dengan membuat pemeriksaan dari segi kesalahan ayat atau tatabahasa dalam penulisan. Secara tidak langsung, melalui pembacaan semula dapat dilihat hasil sesebuah penulisan akan lebih tersusun serta tidak terdapat sebarang kesalahan dalam maklumat yang diperoleh daripada penelitian. Di samping itu, langkah ketiga pula ialah penentuan tema yang mana pengkaji akan melakukan pemerhatian awal terlebih dahulu yang berhubung kait dengan kajian bagi memperoleh tema dan objektif kajian yang bersesuaian berlandaskan tajuk kajian yang dilakukan.

Terdapat juga beberapa proses lain dalam menganalisis data seperti pemilihan kod yang mana responden telah dipilih berdasarkan pengetahuan mereka mengenai kajian dan seterusnya proses pemilihan sub kumpulan hasil daripada analisis data pilihan kod. Tambahan pula, proses triangulasi data yang mana ia diperoleh daripada hasil penelitian seperti temubual, perpustakaan dan kajian lapangan akan digabungkan bagi mendapatkan maklumat mengenai tajuk kajian. Akhir sekali, semakan untuk kesahan merupakan proses yang terakhir dalam analisis data yang mana pengkaji akan melakukan semakan semula data-data serta maklumat yang telah diperoleh bagi mencapai objektif kajian.

3.8 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, dalam bab ini pengkaji membincangkan mengenai kaedah ataupun cara yang digunapakai oleh pengkaji bagi melakukan kajian yang berkaitan dengan tajuk pengkaji. Hal ini kerana, pengkaji dapat memperoleh maklumat dengan membahagikan hasil kajian kepada beberapa bahagian yang terdiri daripada rekabentuk kajian melibatkan kaedah kualitatif iaitu temubual dan tinjauan ke kawasan kajian manakala bagi teknik pengumpulan data pula pengkaji menjelaskan mengenai data primer dan data sekunder.

Oleh yang demikian data primer melibatkan temubual yang dilakukan terhadap masyarakat Tidung di kampung Kalabakan. Dalam kajian ini juga, kaedah pemerhatian ataupun kajian lapangan turut digunakan yang mana pengkaji sendiri pergi ke kawasan kajian untuk mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci. Manakala data sekunder pula merupakan hasil maklumat yang diperoleh melalui carian serta pembacaan pengkaji mengenai tajuk kajian seperti buku, jurnal, artikel dan akhbar yang mana pengkaji mengambil maklumat tersebut menerusi kajian kepustakaan, internet dan muzium.

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Dalam bab ini, pengkaji membincangkan mengenai hasil dapatan kajian yang dilakukan terhadap beberapa penduduk yang telah dipilih di sekitar Kampung Kalabakan bagi meninjau pandangan mereka mengenai pengamalan adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi suku kaum Tidung. Dapatan kajian yang digunakan oleh pengkaji melalui kaedah temubual dan kaedah kepustakaan bagi mendapatkan maklumat data yang sahih serta boleh dipercayai. Data hasil temubual dan pemerhatian yang diperolehi dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu A,B dan C yang mana dalam bahagian A mengenal pasti berkaitan adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi masyarakat Tidung. Manakala bahagian B mengenai sejauhmana penerimaan generasi muda tentang adat dan pantang larang dalam perkahwinan masyarakat Tidung dan bahagian C pula membincangkan cara untuk mengekalkan adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi masyarakat Tidung.

Oleh itu, dengan menggunakan kaedah temubual, pemerhatian dan kepustakaan ia telah menjawab persoalan yang ada dalam kajian pengkaji. Secara tidak langsung, pengkaji dapat memperoleh maklumat mengenai adat dan pantang larang dalam perkahwinan masyarakat Tidung, penerimaan generasi muda mengenai adat dan pantang larang perkahwinan serta cara untuk mengekalkan adat dan pantang larang perkahwinan bagi masyarakat Tidung.

4.2 ANALISIS DAPATAN TEMU BUAL

Melalui penelitian yang telah dijelaskan dalam kaedah kajian terletak di bab tiga, hasil dapatan kajian dalam bab ini telah didapatkan dengan menemu bual sepuluh orang responden. Kesemua responden ini dipilih kerana menepati kriteria-kriteria sekaligus dapat mencapai objektif kajian yang telah dijalankan. Oleh yang demikian, responden yang dipilih telah menjawab segala pertanyaan dan persoalan yang berhubungkait dengan kajian dan mereka terdiri daripada individu-individu yang arif serta generasi muda. Responden telah dilabelkan dengan menunjukkan nama dan kod responden bagi memudahkan pengkaji untuk melakukan analisis data.

Jadual 4.1 : Kod Informan

BIL	NAMA	PERANAN	KOD RESPONDEN
1.	Encik Khamis	Ketua Kampung Kalabakan	R1
2	Encik Unuh	Penduduk Kampung Kalabakan Suku Tidung	R2
3	Puan Hatijah	Isteri Kepada Encik Unuh	R3
4	Puan Puspadewi	Penduduk Kampung Kalabakan Suku Tidung	R4
5	Puan Tanglungmawar	Penduduk Kampung Kalabakan Suku Tidung	R5
6	Cik Syahwati	Generasi Muda	R6
7	Cik Nor Amira	Generasi Muda	R7
8	Cik Norismah	Generasi Muda	R8
9	Cik Nur syakina	Generasi Muda	R9
10	Cik Rina	Generasi Muda	R10

Sumber : Kajian Lapangan, 2021

Kaedah temubual yang dilakukan bersama responden adalah secara bersemuka dan juga secara atas talian melalui aplikasi WhatsApp. Hal ini kerana, disebabkan pandemik covid-19 yang telah melanda negara Malaysia sejak pertengahan Mac sehingga ke hari ini menyebabkan pengkaji mengalami kesukaran untuk menemu bual informan secara bersemuka dan juga kekangan jarak yang jauh turut menghalang pengkaji bagi menjalankan sesi temubual secara terus dengan informan. Akan tetapi, sepanjang sesi temubual dijalankan pengkaji telah membuat catatan serta merekod perbualan informan yang berkaitan dengan kajian pengkaji dengan mengajukan soalan-soalan yang telah disediakan mengenai adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi masyarakat Tidung. Informan yang ditemubual untuk menjawab kajian ini terdiri daripada lelaki dan perempuan bagi golongan tua dalam lingkungan umur 50-75 tahun dan golongan muda terdiri daripada perempuan berumur 18-25 tahun. Kesemua informan merupakan individu yang berbangsa Tidung serta arif mengenai tajuk kajian pengkaji.

Jadual 4.2 Demografi Informan Golongan Tua

Maklumat Responden	A	B	C	D	E
Jantina L/P	L	L	P	P	P
Bangsa	Tidung	Tidung	Tidung	Tidung	Tidung
Umur	68	55	53	53	74

Jadual 4.3 Demografi Informan Golongan Muda

Maklumat Responden	F	G	H	I	J
Jantina L/P	P	P	P	P	P
Bangsa	Tidung	Tidung	Tidung	Tidung	Tidung
Umur	21 Tahun	23 Tahun	22 Tahun	24 Tahun	24 Tahun

Sumber : Kajian Lapangan, 2021

Bagi tema dalam dapatan kajian ini dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu mengenai adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi masyarakat Tidung, sejauhmana penerimaan generasi muda mengenai adat dan pantang dalam perkahwinan bagi masyarakat Tidung dan cara untuk mengekalkan adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi masyarakat Tidung di kampung Kalabakan. Oleh itu, subtema untuk adat dan pantang larang perkahwinan Tidung ini terdapat 3 soalan manakala bagi penerimaan generasi muda terhadap adat dan pantang larang dalam perkahwinan Tidung mempunyai 3 soalan juga dan bagi cara untuk mengekalkan adat dan pantang larang dalam perkahwinan Tidung ini terdapat 2 soalan.

Jadual 4.4 Huraian Tema dan Subtema Temubual

BIL	Tema	Subtema
1	Adat dan Pantang Larang Dalam Perkahwinan Bagi Masyarakat Tidung	1A. Adakah adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi suku kaum Tidung masih lagi diamalkan? 1B. Apakah adat yang dijalankan sebelum, semasa, selepas perkahwinan bagi suku kaum Tidung? 1C. Adakah terdapat pantang larang dalam perkahwinan suku kaum Tidung sama ada sebelum, semasa dan selepas?
2	Penerimaan Generasi Muda Terhadap Adat dan Pantang Larang Dalam Perkahwinan Masyarakat Tidung	2A. Pada pendapat anda, adakah penggunaan adat dan pantang larang dalam aspek perkahwinan masih relevan untuk digunapakai pada masa kini? 2B. Sejauhmana anda mengetahui tentang adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi masyarakat Tidung? 2C. Pada pendapat anda, adakah adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi suku kaum Tidung ini dapat diteruskan untuk generasi akan datang ?
3	Cara Untuk Mengekalkan Adat dan Pantang Dalam Perkahwinan Bagi Masyarakat Tidung	3A. Apakah cara untuk memastikan adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi suku kaum Tidung ini terpelihara untuk generasi akan datang ? 3B. Adakah terdapat sebarang aktiviti atau program yang

		boleh dilakukan untuk memastikan adat dan pantang larang perkahwinan ini sentiasa terpelihara ?
--	--	---

Sumber : Kajian Lapangan, 2021

4.3 ADAT DAN PANTANG LARANG DALAM PERKAHWINAN BAGI SUKU KAUM TIDUNG

Menurut Puan Puspadewi (2021) dalam adat dan perkahwinan bagi masyarakat Tidung, kebanyakan adat dan pantang larang masih diamalkan namun setelah kedatangan Islam ia sedikit sebanyak telah mengubah corak kehidupan masyarakat ini yang mana dari segi perkahwinan telah wujud unsur Islam sama ada sebelum, semasa dan selepas upacara perkahwinan tersebut. Kita sedia maklum bahawa pada zaman dahulu kebiasaannya apabila melibatkan perkahwinan ibu bapa yang akan menentukan jodoh ataupun pasangan anak-anak mereka yang mana pasangan tersebut mempunyai talian persaudaraan dengan mereka. Namun begitu, pada masa kini anak-anak dalam suku kaum Tidung yang ingin berkahwin tidak lagi ditetapkan oleh ibu bapa mereka tetapi mereka berhak memilih pasangan mengikut citarasa dan pilihan mereka.

“Susah bha nak sekarang ni kalau mau kasi kekal adat tu sebab sekarang masyarakat kami suku kaum Tidung ni banyak sudah yang berpegang sama agama islam. Lagipun budak-budak sekarang ni pandai sudah cari cewek sendiri kalau dulu macik dipilihkan oleh mamak macik.”

(Puan Puspadewi: R4)

“Zaman dulu masa anak ku kawin yang perempuan ni kami masih amalkan adat sama pantang larang cuma itulah sekarang ni susah mau diamalkan sudah yang begini sebab banyak sudah yang adat ni islam-islam.”

(Puan Tanglungmawar: R5)

4.3.1 Adat Sebelum Perkahwinan Suku Kaum Tidung

Dalam adat sesebuah perkahwinan sesuatu majlis tersebut sudah pasti mempunyai kebiasaan yang mana akan membuat risikan terlebih dahulu terhadap bakal pilihan hati bagi pengantin lelaki. Begitu juga dengan suku kaum Tidung ini, mereka turut mempunyai adat yang sama seperti suku kaum lain iaitu adat merisik. Hal ini kerana, dalam adat ini beberapa orang ahli keluarga dari pihak lelaki akan ke rumah keluarga pengantin perempuan untuk bertanyakan sama ada bakal pengantin perempuan tersebut masih bujang. Dalam erti kata lain juga sama ada pengantin perempuan dalam risikan lelaki lain, bakal bertunang atau masih menunggu pilihan hatinya. Jika bakal pengantin perempuan tersebut tidak mempunyai sebarang ikatan dengan mana-mana pihak barulah proses yang seterusnya dalam perkahwinan akan diteruskan.

“Kalau adat kahwin suku kaum Tidung ni nak dia selalunya macam orang lain punya kahwin juga ada merisik supaya kita tau kan macam kalau lelaki tu dia suka satu orang perempuan kn terus dia suruhlah mamak sama bapaknya pigi rumah perempuan tu tanya kalau perempuan tu sudah kahwin ka atau sudah dirisik oleh orang lain.”

(Puan Hatijah: R3)

“... kalau dalam adat merisik ni kan selalunya mamak sama bapak lelaki tu sejak yang datang pigi rumah perempuan tu untuk merisik perempuan tulah. Jadi kalau macam apa ni...emm ndada tu perempuan orang risik ka

barulah terus nanti pihak lelaki ni bawak rombongan tunang...”

(Encik Unuh: R2)

Seterusnya, adat bertunang merupakan salah satu proses dalam perkahwinan setelah melakukan risikan dengan keluarga bakal pengantin perempuan. Hal ini kerana, pada berlakunya hari pertunangan keluarga pihak lelaki bersama rombongan akan ke rumah pihak pengantin perempuan namun bukan dengan tangan kosong sahaja. Keluarga bakal pengantin lelaki akan membawa barang hantaran seperti cincin emas belah rotan, barang keperluan perempuan seperti kosmetik, buah-buahan, kek dan baju perempuan. Akan tetapi, pada kebiasaannya wakil pihak perempuan dalam suku ini akan menetapkan berian kahwin setelah mendapat persetujuan daripada pihak keluarga serta pihak bakal pengantin lelaki.

“Okey nak sudah merisik pihak lelaki tu macam dua minggu atau tiga minggu lepastu terus dorang bawak ahhh apa ni rombongan untuk bertunang tu. Selalunya kalau kami kan nak kalau dulang hantaran yang dibawak tu biasanya macam cincinlah lepastu ahh, cewek punya baranglah macam kasut atau apa-apalah.”

(Puan Tanglungmawar: R5)

“Dalam betunang ni kan selalunya macam kami suku Tidung ni kalau dulu ada tu ndak banyak bha barang yang di bawak cukup sejak tu cermin sama sisir. Cuma yang sekarang ni sejak lain-lain sudah, macam-macam diminta padahal betunang sejak tu.”

(Puan Puspadewi: R4)



Gambar 1 : Upacara Bertunang

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Seperti kebiasaannya, masyarakat Tidung akan mengadakan upacara berbedak atau bepupur yang mana acara ini diadakan di rumah pengantin perempuan. Dalam pada itu, setiap orang kampung yang menghadiri acara tersebut akan bergilir-gilir untuk menyapukan pupur kepada kedua bakal pengantin. Pupur ini merupakan bedak yang dihasilkan daripada beras, daun pandan dan kunyit yang direndam semalaman oleh masyarakat Tidung kerana mereka percaya ia dapat melembutkan kulit serta menghilangkan bau badan sekaligus dapat menaikkan seri muka bakal pengantin pada hari perkahwinan mereka. Oleh sebab itu, upacara berbedak ini kebiasaannya menjadi amalan masyarakat Tidung sebelum hari perkahwinan kerana ia memberi manfaat kepada bakal pengantin berkenaan.

“Kalau kami panggil bebedak ni adat bepupur yang di kasi pupur pengantin tu sama beras, daun pandan sama kunyit. Macam beras tu ditumbuk dulu baru daun pandan tu barulah di letak kunyit tu jadi nanti rupanya macam bedak. Bepupur ni kalau sama kami kan dia supaya kasi lembut kulit tu lagi-lagi kalau pengantin tu supaya naik serinya hahahah...begitu nak kalau adat bepupur tu.”

(Puan Tanglungmawar: R5)

“Kalau apa yang pacik tau pasal adat bebedak ni selalunya di kawasan kampung ni kalau malam sebelum

kahwin tu yang orang kampung datang tu dorang macam kasi begilir letak bedak tu pigi badan pengantin. Kalau time dulu-dulu masa pacik kan adat ni dibuat 3 hari 3 malam ndak taulah kenapa tapi yang pacik tau dia supaya ndak bau badan sama kasi apa tu kasi cantik kulit, begitulah kalau ndak salah”

(Encik Khamis: R1)



Gambar 2 : Upacara Berbedak
Sumber : Brideculture Wordpress, 2016

Selain daripada itu, terdapat juga upacara mengambung pengantin yang sudah menjadi rutin masyarakat Tidung sejak dahulu lagi. Hal ini kerana, setelah selesai upacara berbedak orang kampung yang ada akan meminta bakal pengantin lelaki untuk duduk di atas sekeping tikar mengkuang. Setelah itu, beberapa penduduk kampung yang terdiri daripada lelaki akan melakukan upacara mengambung pengantin dan sepanjang upacara ini berjalan bakal pengantin lelaki akan dilambung-lambung menggunakan tikar mengkuang. Kemudiannya, upacara ini diikuti oleh pengantin perempuan dan proses yang sama dilalui pengantin perempuan. Upacara ini hanya dilakukan bagi memeriahkan majlis malam berbedak kedua-dua pengantin.

“Macam adat melambung ni pulak yang macik tau kan nak pengantin tu sudah habis di kasi bedak tu kan di suruh duduk di atas tikar jadinya kan emm adalah macam satu tiga atau empat orang begitu nanti lambung pengantin

tu... dua-dua pengantin tu kena juga hahahaha, best tu macam dilempar-lempar kita.”

(Puan Puspadewi: R4)

“Kalau adat melambung ni kan, masa macik dulu-dulu kalau ada orang kahwin nampaklah apa dorang buat macam kalau adat ini yang macik tau selalu kami kasi macam lempar-lempar tu pengantin tapi guna tikar. Ini supaya kasi meriah malam bebedak tu.”

(Puan Hatijah: R3)

Setelah upacara melambung, terdapat juga satu acara iaitu malam berudot seperti persembahan kompong pada malam sebelum hari perkahwinan. Acara kompong ini dibawa serta dimainkan oleh pemuda dari suku kaum Tidung yang tinggal di sekitar kampung bagi menghiburkan bakal pengantin dan para tetamu yang hadir pada malam itu. Persembahan kompong ini diketuai oleh seorang tukang karut yang akan mengalunkan selawat ke atas nabi dan juga lagu-lagu tradisional suku kaum Tidung. Acara ini dikenali sebagai malam keramaian sebelum tibanya hari perkahwinan pada esok hari.

“Dalam berudot ni emm macam satu kumpulan penyanyi ni guna kompong tapi suku-suku kami juga Tidung. Selalunya kalau kami panggil kn macam malam keramaian tu orang menyanyi tapi kalau kami bawak lagu-lagu Tidunglah sama selawat nabi.”

(Puan Hatijah: R3)

“Lepas itu malam berudot yang kalau sama kami dia ni ada nyanyi-nyanyi lepastu orang yang main kompong tu

dorang duduk bebulat yang satu bulatan terus bezikir-zikir
dulu baru tu menyanyi lagu suku kami.”

(Puan Puspadewi: R4)



Gambar 3 : Acara Bermain Kompang

Sumber : Pena Hijau, 2020

4.3.2 Adat Semasa Perkahwinan Suku Kaum Tidung

Semasa hari perkahwinan, rombongan pihak pengantin lelaki akan berarak secara beramai-ramai ke rumah pengantin perempuan akan tetapi pengantin lelaki akan diusung menggunakan panggang. Hal ini kerana, pengantin lelaki akan diusung oleh beberapa orang penduduk kampung dek kerana bakal pengantin lelaki tidak dibenarkan memijak tanah atas faktor keselamatan dan juga sebagai tanda penghormatan kepada pengantin lelaki yang menjadi raja sehari. Selain itu, adat menabur beras kuning kepada rombongan pengantin lelaki juga dilakukan sebagai tanda mengalu-alukan kedatangan rombongan pihak lelaki dan ia bertujuan agar majlis perkahwinan dapat berjalan dengan lancar.

“Masa kawin tu kan nak kalau macam masa nek dulu ada kawin dorang angkat tu pengantin lelaki ndak di kasi pijak tanah langsung sebab manatau nanti ada jarum ka atau kaca di jalan. Jadi lelaki diangkat pakai satu macam tempat duduk untuk raja tu.”

(Puan Tanglungmawar: R5)

“Biasanya masa hari kawin tu kan pengantin lelaki tu diusung macam apa diletak di bahu tapi kalau kami dulu ada satu panggang yang tempat naik lelaki tu memang khas diguna masa kawin sejak tapi itulah sejak-sejak PKP ni mungkin buruk sudah kali tu.”

(Encik Khamis: R1)

“Macam adat tabur beras kuning ni pulak kami buat untuk rombongan pengantin lelaki datang masa kawin tu. Beras tu ditabur-tabur pigi pengantin lelaki tanda dia datang sudah di tempat nikah tu.”

(Puan Puspadewi: R4)



Gambar 4 : Adat Menabur Beras Kuning

Sumber : Google Images

Seterusnya, adat semasa perkahwinan bagi suku kaum Tidung ialah pengantin lelaki diminta untuk memijak sebuah batu asah. Hal ini kerana, menurut kepercayaan etnik Tidung tujuan memijak batu asah ini bagi memberi manfaat kepada kedua pasangan pengantin agar kuat dan teguh dalam menempuh alam rumah sebagai sepasang suami isteri. Selain itu juga, pengantin lelaki diminta menggigit sebilah

pisau selama beberapa saat. Hal ini disebabkan oleh apabila menjadi pasangan suami isteri yang sah, pengantin lelaki akan lebih berfikiran tajam dalam membuat keputusan serta hati dan tenaga akan lebih tenang serta mempunyai semangat yang kuat. Terdapat juga upacara yang mana pengantin lelaki diberikan air yang telah dibacakan dengan selawat nabi yang bertujuan agar mahligai yang dibina oleh kedua pasangan berkekalan sehingga ke hujung nyawa mereka.

“Pijak batu asah ni kami buat supaya pengantin tu nanti bila sudah kahwin tu kan dalam rumahtangga dorang tu salinglah tolak ansur sama teguh dalam membuat keputusan. Ini kalau ikut kepercayaan kamilah yang orang dulu-dulu kasi ajar.”

(Encik Khamis: R1)

“Apa yang macik tau pasal adat pijak batu ni kalau apa yang di ajar oleh mamak macik dorang percaya yang bila pengantin lelaki tu pijak dia dapat buat keputusan yang dapat kasi aman rumahtangga tu. Maksud macik lelaki tu dapat buat keputusan yang ada pendirian begitu.”

(Puan Puspawati: R4)

“Dalam adat gigit pisau ni selalunya kalau yang macik tengoklah di kampung ni kahwin Tidung, lelaki tu disuruh gigit sekejap dalam tiga atau lima saat sejak pisau tu.

(Puan Hatijah: R3)

“Kalau sama suku kami kan, lelaki disuruh gigit tu supaya dia bila buat keputusan tu d fikir dulu masak-masak bukan

buat sesuka hati sejak. Sebab kadang-kadang lelaki ni kuat marah-marah kan.”


(Encik Khamis: R1)



Gambar 5 : Adat Memijak Batu Asah

Sumber : Youtube, 2019

Tambahan pula, setelah meminum dan melaksanakan kesemua adat tersebut pengantin lelaki akan dibenarkan masuk ke dalam rumah untuk meneruskan upacara yang seterusnya. Dalam pada itu, pengantin lelaki diminta duduk di atas sebuah kasur atau bantal iaitu tempat raja bersilang dan ia berhadapan dengan jurunikah. Manakala bagi pengantin perempuan pula akan disembunyikan di balik tirai singgahsana pelamin yang telah disiapkan untuk persandingan kedua mempelai. Secara amnya, upacara akad nikah masyarakat Tidung sama seperti orang Melayu beragama Islam akan tetapi semasa berlangsung akad nikah telah menjadi kebiasaan masyarakat Tidung pada zaman dahulu yang mana mereka akan meletakkan kain kuning di atas tangan pengantin lelaki dan jurunikah sepanjang tempoh akad berjalan.



Gambar 6 : Lelaki Duduk Di Atas Kasur

Sumber : Cenderahati Perkahwinan, 2021

Terdapat satu upacara yang unik dalam upacara semasa perkahwinan masyarakat Tidung iaitu upacara terbuka. Upacara ini dilakukan setelah selesai upacara akad nikah pengantin lelaki bersama beberapa orang ahli keluarganya akan menuju ke singgahsana untuk upacara membuka tabir sebelum pengantin lelaki dibenarkan untuk melihat wajah pengantin perempuan. Semasa upacara membuka tabir, pengantin lelaki akan melalui tiga peringkat halangan yang mana pihak pengantin lelaki serta rombongan terpaksa menyediakan sampul yang berisi wang tunai kepada keluarga pengantin perempuan yang ditugaskan untuk menjaga tabir tersebut. Selepas melalui tol pertama dan kedua, pihak pengantin lelaki perlu melalui tol terakhir yang mana pada halangan terakhir ini wajah pengantin perempuan ditutup dengan menggunakan kiub iaitu kipas oleh keluarga pengantin perempuan tersebut. Setelah pihak pengantin lelaki membayar tol barulah kiub atau kipas tersebut dibuka dan pengantin lelaki akhirnya dapat melihat wajah pasangannya.



Gambar 7 : Adat Terbuka

Sumber : Google Images

Akhir sekali, kemeriahan majlis perkahwinan ini semakin terasa dengan persembahan tarian masyarakat suku kaum Tidung iaitu tarian Zapin Tidung yang mana ia dipersembahkan oleh beberapa orang gadis dari etnik ini. Tarian ini diiringi oleh paluan gong dan kulintangan yang dimainkan oleh penduduk kampung. Dapat dilihat kemeriahan majlis di atas pelamin pula menampakkan ketampanan pengantin lelaki mengenakan baju selangor manakala pengantin perempuan mengenakan baju silo sambil menyaksikan persembahan tarian zapin Tidung.



Gambar 8 : Tarian Suku Kaum Tidung

Sumber : Youtube, 2019

4.3.3 Adat Selepas Perkahwinan Masyarakat Suku Kaum Tidung

Sehari selepas hari perkahwinan, sebuah majlis kesyukuran diadakan selama satu hari yang telah ditetapkan oleh kedua-dua belah pihak pengantin. Pada kebiasaannya, tiga hari selepas berkahwin kedua-dua keluarga pengantin akan bersama-sama bagi mengadakan sebuah majlis kesyukuran iaitu pada hari ketiga selepas majlis perkahwinan diadakan. Majlis ini turut diiringi dengan mainan alat muzik seperti kompang atau gendang serta nyanyian lagu-lagu yang kebanyakannya selawat ke atas nabi dan zikir-zikir berunsur Islam.

Akhir sekali, adat yang dilakukan selepas perkahwinan ialah adat betingkuang atau menyambut menantu. Seperti yang kita ketahui adat menyambut menantu ini dilakukan di rumah pihak lelaki. Begitu juga dengan suku kaum Tidung yang mana adat betingkuang ini akan dijalankan di rumah pihak lelaki dan segala urusan majlis akan di uruskan oleh pihak lelaki bagi menyambut kedatangan orang baru di rumah

mereka. Dalam adat ini turut diadakan majlis secara kecil-kecilan yang hanya melibatkan kaum keluarga sahaja dan sesetengah jemputan yang tidak berkesempatan untuk datang ke majlis perkahwinan kedua mempelai.

4.3.4 Pantang Larang Dalam Perkahwinan Masyarakat Suku Kaum Tidung

Kita sedia maklum bahawa adat yang dilakukan oleh sesebuah kelompok masyarakat turut mempunyai pantang larang yang mesti dipatuhi peraturan atau arahan. Hal ini bertujuan bagi sesuatu pantang larang yang telah ditetapkan jika tidak diikuti ataupun dilanggar dikhuatiri terjadi musibah atau kecelakaan yang menimpa seseorang individu tersebut. Begitu juga dengan suku kaum Tidung yang mana mereka turut mempunyai pantang larang untuk diamalkan oleh masyarakat setempat.

Antara pantang larang dalam perkahwinan bagi masyarakat Tidung ialah tidak boleh bertemu selama beberapa bulan bagi bakal pengantin sebelum perkahwinan. Hal ini kerana, bakal pengantin lelaki dan perempuan dilarang bertemu bagi mengelakkan timbulnya isu fitnah daripada kelompok masyarakat setempat kerana mereka belum mempunyai ikatan tali perkahwinan yang sah. Hal ini juga bertujuan agar salah seorang ataupun kedua-dua bakal pengantin akan mengubah keputusan untuk membatalkan perkahwinan sekaligus memutuskan tali pertunangan. Oleh yang demikian, larangan pertemuan di antara kedua-dua bakal pengantin ini mempunyai manfaat serta kebaikan untuk diamalkan dan dipraktikkan dalam kalangan masyarakat Tidung.

Seterusnya, tidak boleh keluar rumah seminggu sebelum majlis perkahwinan juga merupakan pantang larang dalam perkahwinan bagi masyarakat Tidung. Hal ini kerana, dari segi larangan kepada pengantin perempuan yang mana dalam tempoh seminggu ini pengantin perempuan akan ditemani dan dilayan oleh tujuh orang wanita. Selama tempoh ini, pengantin perempuan tidak dibenarkan bertemu atau berjumpa dengan orang lain melainkan tujuh wanita ini sahaja. Kesemua wanita ini akan menjaga, melayan serta memenuhi keperluan bakal pengantin perempuan dari segi makanan dan minuman. Sepanjang tempoh seminggu ini, makanan dan minuman yang

disediakan oleh tujuh wanita hanya menggunakan mangkuk sahaja dan pengantin perempuan tidak dibenarkan sama sekali untuk merasai makanan yang pedas. Larangan ini dilakukan kepada wanita bagi menjaga serta menjamin keselamatan yang boleh menyebabkan berlaku sebarang perkara yang tidak diingini kepada pengantin perempuan. Bagi pengantin lelaki pula, ia dilarang keluar sehari sebelum perkahwinan yang mana larangan ini dilakukan agar pengantin lelaki lancar semasa tibanya hari perkahwinan dan tidak merasa gugup sepanjang akad nikah dijalankan semasa hari perkahwinan.

Selain itu, pantang larang dalam perkahwinan bagi suku kaum Tidung ialah tidak boleh memijak tanah selama tiga hari selepas berkahwin. Menurut kepercayaan mereka, larangan ini dapat mengelakkan sesuatu kejadian yang tidak diingini berlaku kepada kedua pengantin yang baru sahaja mendirikan rumah tangga. Dalam pada itu, setelah tempoh tiga hari itu tamat, kedua pengantin akan dimandikan terlebih dahulu dengan mandian bunga dan sepanjang memandikan kedua pengantin ini ia akan dilakukan di atas sebuah gong waktu dahulu dan di tangga sahaja pada masa sekarang. Mandian bunga ini dilakukan bertujuan untuk mengusir segala unsur kejahatan yang ada dalam diri kedua pengantin dan memastikan kesejahteraan serta kebahagiaan sepanjang mereka mendirikan rumah tangga. Setelah memandikan bunga kepada kedua pengantin selesai barulah mereka dibenarkan untuk memijak tanah.



Gambar 9 : Mandian Bunga

Sumber : Press Reader, 2018

Di samping itu, tidak boleh ke tandas selama tiga hari selepas berkahwin juga merupakan antara pantang larang dalam perkahwinan bagi suku kaum Tidung. Di antara kesemua pantang larang tersebut, larangan pergi ke tandas selama tiga hari ini

yang paling unik tapi ia menyukarkan kedua pengantin. Walaupun masyarakat luar beranggapan bahawa larangan ini adalah suatu pantang larang yang menyusahkan pengantin tetapi bagi masyarakat Tidung ia merupakan satu aturan yang telah ditetapkan oleh nenek moyang mereka. Menurut kepercayaan mereka, larang ini dapat mengelakkan berlakunya perceraian dalam mendirikan rumah tangga, kecurangan di antara kedua pengantin dan kematian anak serta dapat membuang sial yang ada dalam diri kedua pengantin. Bagi memastikan pantang larang ini tidak di langgar serta berjalan dengan lancar, pasangan pengantin hanya diberikan makanan dan minuman dalam kuantiti yang sedikit sahaja bagi mengurangkan keperluan penggunaan tandas.

Secara kesimpulannya, kesemua pantang larang yang dinyatakan merupakan aturan yang telah ditetapkan sejak dahulu lagi oleh nenek moyang suku kaum Tidung. Peraturan yang telah ditetapkan ini hendaklah diikuti bagi memastikan kesejahteraan dalam sesebuah rumah tangga yang telah dibina. Namun begitu, terdapat beberapa pantang larang yang tidak lagi masyarakat Tidung pada masa kini amalkan dalam perkahwinan mereka seperti tidak boleh memijak tanah dan tidak boleh pergi ke tandas selama tiga hari selepas berkahwin. Hal ini kerana, suku kaum ini merasakan ia merupakan satu pantang larang yang sukar untuk diamalkan kerana memberi kesulitan kepada kedua bakal pengantin. Selain itu, kebanyakan masyarakat Tidung kini telah berpegang teguh dengan ajaran islam menyebabkan mereka menganggap pantang larang ini kolot dan mempunyai unsur syirik.

4.4 PENERIMAAN GENERASI MUDA TERHADAP ADAT DAN PANTANG LARANG DALAM PERKAHWINAN SUKU KAUM TIDUNG

Menurut Syahwati (2021) adat dan pantang larang dalam perkahwinan suku kaum Tidung hendaklah diteruskan. Hal ini kerana, pada pendapat beliau sesuatu adat tersebut haruslah diteruskan sama ada adat suku kaum Tidung mahupun adat suku kaum yang lain kerana dikhuatiri masyarakat pada masa kini semakin ke arah pemodenan dan jika hal ini tidak diteruskan sesuatu adat yang telah diamalkan akan mati dan hilang begitu sahaja. Bak kata pepatah orang Melayu “biar mati anak, jangan mati adat”. Oleh sebab itu, penerapan mengenai adat dan pantang larang dalam

masyarakat Tidung ini hendaklah dimulakan dari awal dengan memperkenalkan adat tersebut kepada anak-anak muda pada masa kini.

“... pada pendapat saya kan adat dan pantang larang dlm perkahwinan ni mestilh diteruskan ndak kisah laa masyarakat Tidung ataupun msyrakat suku lain sebbkan dunia kita ni semakin ke arah kemodenan. Jadinya, kalau kita ndak trus kn adat ni nnti adat yg kita sdah amalkn mati tau hlang bgitu sjak. Oleh sbab itulh kita mestilaa terapkn dari awal kenal kan adat tuu dgn anak2 muda zaman sekarang ni... takk gitu ka ahh ghisauuu...”.

(Syahwati: R6)

Selain itu, menurut Nor Amira (2021) penggunaan adat dan pantang larang dalam aspek perkahwinan bagi suku kaum Tidung adalah sangat relevan untuk digunapakai pada masa kini. Hal ini kerana, generasi muda dapat mengetahui sedikit sebanyak cara orang-orang pada zaman dahulu dalam melakukan sebarang upacara sama ada sebelum, semasa dan selepas perkahwinan.

“...pada pendapat saya, penggunaan adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi suku kaum Tidung adalah sangat relevan untuk digunapakai pada masa kini. Hal ini kerana, generasi muda dapat mengetahui sedikit sebanyak cara orang-orang pada zaman dahulu dalam melakukan sebarang upacara...”

(Nor Amira: R7)

Seterusnya, menurut R9, beliau berpendapat bahawa adat dan pantang larang dalam aspek perkahwinan masih relevan untuk digunapakai pada zaman sekarang asalkan ia tidak bertentangan dengan hukum agama. Hal ini kerana, kita sedia maklum bahawa setiap adat ataupun pantang larang yang diamalkan oleh sesuatu kaum pasti

mempunyai maksud serta mesej tersirat yang ingin disampaikan kepada kelompok masyarakat itu sendiri. Sebagai contoh, adat melumur badan dengan kunyit yang dilakukan pada sebelah malam sebelum hari perkahwinan untuk kedua bakal pengantin lelaki dan perempuan. Hal ini bertujuan untuk menghilangkan bau badan dan dapat melembutkan kulit pengantin berbeza dengan penggunaan bahan kosmetik zaman sekarang yang banyak mengandungi bahan pengawet dan lebih alkohol ataupun bahan yang boleh membahayakan seseorang dalam jangka masa panjang.

“...pada pendapat sayalah kan adat&pantang larang dalam aspek perkahwinan ni msih lagi relevan lah untuk diguna pakai pada zaman sekarang asalkan dia tidak bertentangan dgn hukum agama krana d sebalik stiap pantang larang yg diamalkan pasti ada maksud dan mesej trsirat yang ingin disampaikan. Sebagai contoh, adat melumur dengan kunyit dimlm sbml perkahwinan dibuat tu bagi dua2 orang pengantin tu. Hal ini dibuat sebab bagi kasi hilang bau badan dan melembutkan kulit dan berbeza dgn guna bahan kosmetik zaman sekarang ni yang banyak bhan pengawetnya sama lebih alkohol atau bahan yang boleh kasi bahaya kesihatan kita dlm jangka masa panjang...”

(Nur Syakina: R9)

“... apa yang dapat saya kongsi kan.. yang mana penggunaan adat dalam majlis2 perkahwinan pada masa kini ni dia masih relevan untk digunakan jika ianya ndak mndatangkan unsur negatif atau adat yg kurang bgus dlam majlis tersebut. Cukup buat adat2 yang mendatangkan impak positif sjak dlm mjlis perkahwinan tuu...”

(Norismah: R8)

Di samping itu, menurut R8 iaitu Norismah (2021) dalam konteks bualan di atas menyatakan pendapat bahawa penggunaan adat dan pantang larang dalam majlis-majlis perkahwinan suku kaum Tidung pada masa kini masih relevan untuk digunakan jika tidak mendatangkan unsur negatif ataupun pengalaman adat yang kurang baik dalam majlis tersebut. Oleh yang demikian, beliau merasakan sesuatu kaum itu perlulah melakukan adat-adat yang mendatangkan kesan positif dalam majlis perkahwinan agar ia dapat memberi manfaat kepada seseorang individu tersebut.

Akhir sekali, menurut Rina (2021) mengatakan bahawa adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi masyarakat Tidung adalah relevan untuk diamalkan pada masa kini bagi mengekalkan keaslian identiti suku kaum ini untuk diperkenalkan kepada generasi akan datang. Kepelbagaian adat dan pantang larang dalam perkahwinan suku kaum Tidung sudah semestinya mempunyai keunikan serta manfaat kepada masyarakat Tidung agar sentiasa diamalkan untuk dijadikan panduan kehidupan seharian.

“...saya berpendapat bahwa apa ni... adat dan pantang larang dalam perkahwinan ini masih relevan untuk digunapakai pada masa sekarang ni sebabnya kan kita dapat masih keaslian identiti suku kaum tu jadi dapat kasi kekal kan adat ni untuk di kasi perkenalkan dengan generasi akan datang tu. Kita juga tauu kan yg sesuatu kaum tu adat dan pantang larang dorang msti ada uniknya sendiri jadi dapat dia kasi manfaat sama sesuatu kaum tu mcm contoh msyarakat Tidung jadi dapat dia kasi jadi itu sbgai panduan khidupan seharian...”

(Rina: R10)

Antara adat yang dapat diketahui oleh Syahwati ialah adat sebelum majlis berkahwin yang mana pengantin lelaki dan perempuan haruslah mengikuti adat malam berbedak. Hal ini membolehkan orang kampung yang hadir haruslah melumurkan bedak di seluruh badan pengantin yang mana bedak tersebut diperbuat daripada beras

yang telah direndam semalaman dan diletakkan kunyit. Pada malam berbedak tersebut, terdapat juga malam berudot iaitu beberapa orang lelaki penduduk kampung akan bermain kompang dengan memainkan lagu-lagu suku kaum Tidung serta selawat ke atas nabi.

“...msti laa aku tauu adat perkahwinan nya cuma skrg kurang laa d guna pakai, ada jg laa yg d pakai tapi yg basic jaa yg biasa2 jaa laa mc pakaian, tarian, mlm bebedak untuk kasi naik kn seri pngantin. Lpastu okee apa yg aku tau laa kan contohnya mcm sblum majlis berkahwin tuu pngantin lelaki atau prmpuan msti ada adat mlm brbedak, so mlm bebedak dia mcm kita kasi lumur bedak d satu badan pngantin jdi bedak tu d buar dari beras yg kau kasi rendam beblm then letak kunyit gitu. Lepastuu time mlm bebedak tuu jg laa ada main kompang gitu2 laa mlm berudot bha ndk silap ku...”

(Syahwati: R6)

Adat yang diketahui oleh Nor Amira ialah berkaitan dengan pengantin lelaki yang mana pengantin lelaki yang datang semasa hari perkahwinan hendaklah menggigit pisau terlebih dahulu sebelum memasuki rumah kerana ia merupakan satu simbol keberanian yang harus diterapkan dalam diri pengantin lelaki tersebut.

“...Antara adat yang saya ketahui ialah pengantin yang datang semasa hari perkahwinan hendaklah menggigit pisau terlebih dahulu dimana cara ini adalah untuk menunjukkan simbol keberanian...”

(Nor Amira: R7)

Dari segi adat pula, menurut R9 Nur syakina terdapat beberapa adat dan pantang larang yang dapat diketahui namun tidak berapa mendalam mengenai perkara ini kerana kurangnya pendedahan dan amalan yang dilakukan oleh ahli keluarga. Tambahan pula, adat-adat ini dapat diketahui melalui perkongsian daripada generasi terdahulu misalnya nenek, datuk dan juga nenek saudara. Antara adat dan pantang larang yang diketahui oleh Nursyakina ialah adat berbedak iaitu melumur beras, tidak boleh menggunakan cadar berwarna lain selain putih pada malam perkahwinan, tidak boleh keluar rumah bagi pengantin perempuan dan tidak boleh memijak tanah.

“ ...apa yang saya tauu tdak berapa mendalam pasal hal ni kerana kurangnya pndedahan dan amalan yg dilakukan oleh ahli keluarga. Lagipun adat ini saya dapat tauu dari apa yg generasi dulu contoh mcm nenek, atok sama nenek saudara. Tapi adalah juga adat sama pantang larang yg saya tau mcm contoh adat berbedak iaitu kasi lumur beras campur kunyit, ndak boleh guna cadar wrna lain selain putih malam kawin tu, tdak boleh pengantin keluar rumah seminggu sblum kawin sama tdak boleh pijak tanah...”

(Nur Syakina: R9)

“ ...banyak adat yg diterapkan dalam majlis perkahwinan lagi2 suku kaum Tidung yang ada d Sabah. Antaranya, tdak boleh pijak tanah tiga hari lepas kawin sebab rsau ada unsur2 negatif yg ikut sma kedua pngantin sma kan masa sanding tu pngantin lelaki mesti duduk sila klau perempuan pula dduk sipu. Ada juga adat lain yg saya tau mcm adat lambung pengantin guna tikar mengkuang...”

(Norismah: R8)

“ ...ada beberapa adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi suku kaum Tidung ni mcm contoh tdak

boleh berjumpa selama beberapa bulan sebelum majlis perkahwinan sebab rsau nanti timbul fitnah sebab kan dorang belum kahwin sama tdak boleh pigi tandas selama 3 hari lepas kahwin sebab rsau nnty beceraai atau ada curang dari salah seorang. Banyak lagi adat dgn pantang larang suku kaum Tidung ni...”

(Rina: R10)

Dalam pada itu, menurut R8 turut menjelaskan bahawa terdapat banyak penggunaan adat dan pantang larang dalam perkahwinan terutamanya suku kaum Tidung antaranya ialah tidak boleh memijak tanah selama 3 hari selepas perkahwinan bagi mengelakkan unsur-unsur negatif bagi kedua mempelai dan sewaktu bersanding pengantin lelaki hendaklah duduk dalam keadaan bersila manakala pengantin wanita pula seharusnya duduk sipu iaitu kaki diletakkan di tepi. Terdapat juga adat lain yang beliau ketahui iaitu adat melambung pengantin yang mana kedua pengantin akan diminta duduk di atas sebuah tikar mengkuang dan mereka akan dilambung-lambung oleh beberapa orang lelaki dalam kalangan penduduk setempat yang kuat dan berbangsa Tidung.

Menurut Rina (2021) menjelaskan bahawa terdapat beberapa adat dan pantang larang bagi suku kaum Tidung seperti dari segi adat iaitu adat menabur beras kuning yang mana pengantin lelaki yang datang akan ditabur-tabur dengan beras kuning bertujuan mengalu-alukan kedatangan pengantin lelaki bersama rombongan. Pantang larang pula adalah tidak boleh bertemu beberapa bulan sebelum hari perkahwinan bagi mengelakkan timbul sebarang fitnah disebabkan kedua bakal pengantin belum mempunyai hubungan yang sah. Tidak boleh memijak tanah selepas tiga hari perkahwinan juga merupakan pantang larang dalam perkahwinan yang mana ia dilakukan bagi menghindari akan berlakunya perceraian ataupun berlaku curang di antara salah seorang pengantin.

Secara tidak langsung, Syahwati berpendapat bahawa adat dan pantang larang dalam perkahwinan ini dapat diteruskan untuk generasi akan datang agar warisan serta

keunikan yang ada dalam perkahwinan masyarakat Tidung dapat disimpan serta dipelihara dengan baik.

“...apa yang dapat saya simpulkan...adat dan pantang larang dalam kawinan ni dpat diteruskan spya generasi akn datang tu dia dapat mngetahui mengenai keunikan yg ada dalam perkahwinan masyarakat Tidung tu...”

(Nor Amira: R6)

“...adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi suku kaum Tidung ni dpat diteruskan untuk generasi akn datang walaupun ada hlangan dari segi kurang pndedahan budaya dalam kelompok masyarakat dengan generasi muda masa kini kurang mendalami srta menghayati berkaitan adat dan pantang larang suku kaum Tidung. Tapi kita sbgai msyarakat yang mmpunyai tanggungjawab akan memastikan adat dan pantang larang ini dpt dijaga dgn dipelihara dengan baik...”

(Norismah: R7)

Oleh yang demikian, berdasarkan pernyataan di atas menjelaskan bahawa adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi suku kaum dapat diteruskan untuk generasi akan datang walaupun terdapat kekangan yang mana kurangnya pendedahan budaya daripada masyarakat bangsa itu sendiri dan juga usaha generasi muda sekarang untuk mencari maklumat mengenai adat dan pantang larang dalam perkahwinan masyarakat Tidung. Namun begitu, sudah seharusnya kelompok masyarakat Tidung sama ada golongan generasi tua atau muda hendaklah bersama-sama berganding bahu bagi memastikan adat dan pantang larang dalam perkahwinan ini dapat dijaga dan dipelihara dengan baik. Malahan generasi akan datang yang hidup dalam kelompok sosial yang tinggi dengan adanya teknologi-teknologi canggih dapat

memastikan adat dan pantang larang dalam suku kaum Tidung ini dipromosikan kepada masyarakat luar mengenai keunikan yang ada dalam adat tersebut.

Menurut responden R9, beliau menyatakan pendapat bahawa adat dan pantang larang dalam perkahwinan suku kaum Tidung dapat diteruskan untuk generasi akan datang walaupun terdapat kesukaran dalam pengalaman adat ini disebabkan faktor dedahan teknologi yang meluas seperti budaya hedonisme, budaya barat mahupun budaya luar yang disiarkan melalui sosial media dan menjadi ikutan generasi pada masa kini. Walau bagaimanapun, dedahan teknologi tersebut dapat dijadikan sebagai medium untuk memperkenalkan adat Tidung kepada masyarakat luar.

“...pendapat saya, adat dan pantang larang dalam perkahwinan suku kaum Tidung ini dapat diteruskan untuk generasi akan datang sebab kewujudan teknologi yg canggih tu bukan penghalang untuk kita prkenalkan adat dan budaya kita kpada masyarakat luar. Perkembangan budaya sama ada hedonisme, barat mahupun luar yg slalu d kasi tujuk d media sosial bukan satu halangan juga untk generasi muda akan dtang knal adat dan budaya suku kaum Tidung ini...”

(Nur Syakina R9)

Akhir sekali, Norismah (2021) berpendapat bahawa pengamalan adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi masyarakat Tidung masih relevan digunapakai untuk generasi kini dan akan datang. Hal ini kerana, adat dan pantang larang yang diamalkan oleh masyarakat Tidung dalam perkahwinan ini mempunyai keunikan dan kebaikan dari segi amalan dan seharusnya ia diperkenalkan kepada masyarakat luar dengan menggunakan teknologi-teknologi canggih yang ada pada masa kini. Akan tetapi, amalan adat tersebut seharusnya tidak bercanggah dengan ajaran islam ataupun terdapat unsur-unsur syirik dalam mengamalkannya.

“...pengamalan adat dan pantang larang kahwin masyarakat Tidung masih relevan untuk digunapakai oleh generasi kini dgnn akan datang. Ini sebab adat dan pantang larang yg dorang amalkan ada uniknya sama kebaikannya jadi prlu diuar-uarkan sma masyarakat luas. Namun, adat dan pantang larang yg diamalkan suku kaum Tidung ni klau bole jgan brcanggah sma ajaran islam atau ada unsur khurafat dalam amalan tu...”

(Norismah: R8)

Secara umumnya, kesemua responden golongan muda berpendapat bahawa adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi suku kaum Tidung ini masih lagi relevan untuk diamalkan oleh generasi masa kini. Hal ini kerana, keunikan yang ada dalam adat dan juga pantang larang ini hendaklah diuar-uarkan kepada kelompok masyarakat lebih-lebih lagi suku kaum Tidung agar mereka dapat mendalami serta memahami mengenai hal tersebut. Bagi adat dan pantang larang pula, terdapat beberapa perkara umum mengenai adat mahupun pantang larang yang diketahui oleh responden dan sering mendapat jawapan yang sama dalam kalangan responden seperti adat berbedak, adat menggigit sebilah pisau dan adat melambung. Manakala pantang larang pula seperti larangan berjumpa beberapa bulan sebelum berkahwin, larangan pergi ke tandas selama tiga hari selepas perkahwinan dan larangan memijak tanah tiga hari selepas berkahwin. Kesemua responden juga memberikan pandangan yang sama mengenai adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi masyarakat Tidung hendaklah diteruskan untuk generasi akan datang walaupun penggunaan teknologi canggih merupakan cabaran pada masa itu. Akan tetapi, dengan adanya penggunaan teknologi canggih sebegitu tidak mustahil untuk menjadikan ia sebagai satu platform untuk memperkenalkan serta mempromosikan mengenai adat dan budaya bagi masyarakat Tidung. Secara tidak langsung, adat dan budaya yang diamalkan oleh masyarakat Tidung ini dapat terpelihara sekaligus dijadikan sebagai salah satu warisan tidak ketara yang mempunyai keunikan serta manfaatnya yang tersendiri.

4.5 CARA UNTUK MENGEKALKAN ADAT DAN PANTANG LARANG DALAM PERKAHWINAN SUKU KAUM TIDUNG

Adat merupakan satu amalan yang dibawa oleh masyarakat dahulu untuk terus menjadi amalan masyarakat pada masa kini agar ia tidak ditelan dek arus pemodenan. Oleh yang demikian, masyarakat Tidung haruslah segera mengambil tindakan bagi menangani masalah ini dengan mencari alternatif bagi memastikan adat tidak dilupakan dan dapat menjadi panduan masyarakat pada masa akan datang. Terdapat beberapa cara yang dapat diambil bagi mengekalkan adat dan pantang larang dalam perkahwinan suku kaum Tidung.

4.5.1 Mewujudkan Tempat Pameran Berkaitan Adat dan Pantang Larang Dalam Perkahwinan Bagi Suku Kaum Tidung

Menurut Nor Amira (2021) mengatakan bahawa kita sedia maklum yang pameran merupakan sebuah aktiviti yang mengaitkan satu ruangan untuk mempamerkan hasil karya-karya seni atau produk untuk dipertontonkan kepada masyarakat atau orang ramai. Dengan adanya sebuah tempat pameran seperti pembukaan atau mewujudkan muzium ataupun rumah adat bagi tujuan memudahkan pelancong yang datang sama ada dari dalam atau luar negara untuk bertandang ke tempat tersebut. Hal ini dikatakan kerana, tujuan tempat pameran tersebut adalah untuk mempamerkan segala aksesori atau barangan yang digunakan dalam perkahwinan suku kaum Tidung mahupun barangan yang digunakan oleh kaum tersebut dalam segala aspek sama ada adat kelahiran, kematian, bercukur jambul dan sebagainya. Sebagai contoh, salah satu rumah adat Tidung yang terdapat di Indonesia dikenali sebagai rumah Baloy yang dibina untuk tujuan yang tertentu seperti tempat menjalankan adat, tempat pelancongan, tempat berkumpul sesama suku dan banyak lagi. Oleh yang demikian, dengan adanya rumah adat yang dapat mempamerkan mengenai suku kaum Tidung ia dapat menjadikan suku kaum ini dikenali oleh setiap masyarakat berbilang kaum di negara kita.

4.5.2 Menerbitkan Satu Dokumentari Berkaitan Adat dan Pantang Larang Dalam Perkahwinan Bagi Suku Kaum Tidung

Menurut responden (2021) pula menyatakan bahawa dokumentari merupakan salah satu langkah atau cara yang dapat diambil bagi memastikan adat dan pantang larang dalam masyarakat Tidung dapat disimpan dan dipelihara. Hal ini demikian kerana, responden tersebut merasakan bahawa satu penceritaan dan rakaman secara menyeluruh yang melibatkan setiap aspek dalam perkahwinan dapat memberikan maklumat yang lebih terperinci untuk dijadikan tontonan oleh masyarakat. Beliau juga berpendapat hasil dokumentari tersebut hendaklah di siarkan melalui laman-laman web atau aplikasi seperti Facebook, Youtube, Instagram dan pelbagai lagi platform aplikasi serta web yang dapat digunakan untuk menyebarkan berkaitan adat dan pantang larang dalam perkahwinan suku kaum Tidung. Sebagai contoh, terdapat banyak video dokumentari yang ada di laman sosial seperti Facebook dan Youtube yang disiarkan oleh sesuatu kaum masyarakat agar lebih dikenali oleh umum serta menjadi rujukan oleh kelompok masyarakat. Responden juga menyatakan adat dan pantang larang dalam suku kaum Tidung ini mempunyai keunikan serta keistimewaannya yang tersendiri. Oleh sebab itu, Cik Mariana merasakan melalui penerbitan dokumentari berkaitan adat dan pantang larang dalam perkahwinan dapat menyiarkan keunikan yang ada semasa berlangsungnya upacara perkahwinan masyarakat Tidung.

4.5.3 Membuat Penyelidikan Tentang Adat dan Pantang Larang Dalam Perkahwinan Suku Kaum Tidung

Menurut Norismah (2021) mengatakan bahawa cara penyelidikan dapat membantu adat dan pantang larang perkahwinan masyarakat Tidung untuk lebih dikenali oleh masyarakat luar melalui pembacaan serta kajian kepustakaan. Hal ini dikatakan kerana, penyelidikan yang seharusnya dilakukan oleh generasi muda dalam memastikan adat dan pantang larang dapat menjadi rujukan oleh penyelidik-penyelidik yang memilih tajuk kajian berkaitan adat dan pantang larang perkahwinan masyarakat Tidung di Kalabakan. Menurut Norismah, dengan adanya hasil penyelidikan yang dapat

dibukukan serta diletakkan dalam perpustakaan dapat dijadikan rujukan oleh para pelajar atau mahasiswa dan mahasiswi yang mencari mengenai tajuk kajian sama ada di blog ataupun perpustakaan. Sebagai contoh, responden banyak melihat tajuk penyelidikan berkaitan adat dan pantang larang dalam perkahwinan suku kaum yang lain disiarkan atau diterbitkan di laman sesawang atau blog. Oleh yang demikian, pada pendapat beliau tidak mustahil untuk golongan generasi muda yang melanjutkan pelajaran sama ada di peringkat sekolah atau institusi pengajian untuk memilih tajuk kajian yang berkaitan dengan adat dan pantang larang dalam perkahwinan suku kaum Tidung dek kerana suku kaum ini kurang dikenali oleh masyarakat luar. Secara tidak langsung, dengan adanya penghasilan penyelidikan ia dapat membantu pengkaji-pengkaji yang lain dalam meneruskan tajuk kajian ini untuk dijadikan panduan oleh golongan masyarakat sama ada tua atau muda agar lebih dikenali dengan lebih meluas.

4.5.4 Membuat Satu Blog atau Artikel Berkaitan Adat dan Pantang Larang Dalam Perkahwinan Bagi Suku Kaum Tidung

Berdasarkan hasil temubual bersama Syahwati penghasilan satu blog atau artikel dapat membantu bagi mengekalkan adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi suku kaum Tidung. Hal ini kerana, dengan adanya penghasilan blog atau artikel yang menjelaskan mengenai sesuatu adat dan pantang larang dalam perkahwinan sama ada proses tersebut melibatkan sebelum, semasa dan selepas sedikit sebanyak dapat memberi pengetahuan kepada masyarakat mengenai proses dalam perkahwinan. Sebagai contoh, blog atau artikel yang dihasilkan oleh seseorang di laman-laman akademik atau web seperti google scholar dapat membantu individu yang ingin mencari tahu mengenai perkahwinan. Begitu juga dengan masyarakat Tidung ini hendaklah membuat satu blog atau artikel yang memberi penjelasan mengenai adat dan pantang larang dalam suku kaum mereka khususnya berkaitan adat dan pantang larang dalam perkahwinan. Seperti yang kita ketahui, dunia pada masa kini berada dalam fasa pemodenan dan kesemua hal hanya melibatkan penggunaan teknologi sahaja. Dapat dilihat sendiri terhadap masyarakat pada masa kini yang lebih berminat untuk mengetahui sesuatu perkara itu melalui carian internet di media massa seperti blog, Facebook, google dan sebagainya. Oleh yang demikian, penghasilan satu blog atau artikel berkaitan adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi masyarakat

Tidung sedikit sebanyak dapat membantu individu-individu yang ingin mengetahui berkaitan suku kaum Tidung ini.

4.5.5 Membuat Satu Aplikasi Tentang Adat dan Pantang Larang Dalam Perkahwinan Bagi Suku Kaum Tidung

Menurut Syahwati juga cara untuk mengekalkan adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi masyarakat Tidung ialah membuat satu aplikasi tentang adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi suku kaum Tidung. Hal ini kerana, aplikasi merupakan satu komponen program yang direka oleh seseorang individu bagi menyelesaikan sesuatu fungsi ataupun satu alatan yang dapat memberikan manfaat serta kebaikan kepada pengguna. Aplikasi yang dihasilkan ini digunakan bagi memudahkan seseorang pengguna agar lebih cepat dan menjimatkan masa mereka untuk mencari sesuatu hasil carian. Sebagai contoh, sebuah aplikasi "*play store*" yang dihasilkan mempunyai pelbagai fungsi dan kandungan yang cukup untuk diakses oleh seseorang bagi memuat turun carian yang diinginkan. Dalam konteks kajian ini, penciptaan sebuah aplikasi yang berkaitan sesebuah kaum di Sabah oleh pihak-pihak tertentu yang mana kandungan tersebut berkaitan dengan adat resam, pantang larang dan budaya mereka sama ada perkahwinan, kematian, kelahiran, pakaian tradisional, makanan tradisi dan banyak lagi yang dapat dijelaskan dalam aplikasi tersebut. Terdapat satu aplikasi berkaitan suku kaum di Sabah yang telah dihasilkan oleh Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah (LKNS) iaitu aplikasi e-Culture yang dibuat untuk memudahkan masyarakat luar mengenali serta mendalami setiap budaya yang ada di Sabah seperti suku kaum Kagayan, Dusun, Bannaran dan banyak lagi. Oleh yang demikian, pihak yang bertanggungjawab dalam masyarakat Tidung ini hendaklah bersama-sama mengambil inisiatif untuk memastikan suku kaum Tidung ini dikenali oleh masyarakat dengan membuat satu aplikasi berkaitan suku kaum ini dengan mengetengahkan kandungan seperti sejarah perkembangan, amalan dan pantang larang, pakaian tradisi, makanan tradisi, alat muzik, tarian serta adat resam turun-temurun. Oleh yang demikian, dengan adanya penghasilan sesebuah aplikasi mengenai adat dan pantang larang bagi masyarakat Tidung ini ia dapat memperkenalkan sekaligus memartabatkan identiti keunikan yang ada dalam suku kaum Tidung.

4.6 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, dalam bab ini terdapat beberapa adat yang sering digunakan serta diamalkan oleh masyarakat Tidung sejak dahulu lagi dan menjadi panduan kepada masyarakat kini serta generasi akan datang. Adat yang dilakukan dalam perkahwinan melibatkan adat sebelum, semasa dan selepas perkahwinan seperti meminang, bertunang, akad nikah dan banyak lagi adat yang diterapkan oleh masyarakat Tidung dalam aspek perkahwinan.

Dengan adanya adat dan pantang larang tersebut, langkah dan cara juga perlu diambil oleh setiap lapisan masyarakat dalam memastikan adat dan pantang larang dapat dipelihara dan disimpan untuk rujukan serta pengetahuan tambahan oleh orang ramai. Terdapat beberapa orang responden telah memberikan pandangan atau pendapat dalam menjaga serta memelihara adat dan pantang larang dalam perkahwinan iaitu menerbitkan dokumentari, mewujudkan tempat pameran dan membuat penyelidikan mengenai adat perkahwinan masyarakat Tidung. Secara tidak langsung, adat dan pantang larang dalam perkahwinan suku kaum Tidung dapat dijaga serta dipelihara untuk dijadikan panduan oleh generasi muda pada masa akan datang agar tidak dilupakan begitu sahaja.

BAB V

PENUTUP

5.1 PENGENALAN

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan rumusan kajian secara menyeluruh dan mengemukakan beberapa cadangan yang boleh diketengahkan untuk masa akan datang yang berhubungkait dengan hasil kajian. Tujuan kajian ini adalah berkaitan adat dan pantang larang perkahwinan bagi masyarakat Tidung di Kampung Kalabakan.

5.2 PERBINCANGAN

Pada bahagian perbincangan ini, pengkaji akan menghuraikan hasil kajian secara ringkas berkaitan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji. Hal ini kerana, kajian ini dilakukan berdasarkan tiga objektif yang telah digunapakai oleh pengkaji bagi menjayakan kajiannya dan ia turut dinyatakan dalam bab empat. Antara objektif kajian tersebut ialah mengenalpasti adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi suku kaum Tidung, mengkaji sejauhmana penerimaan generasi muda terhadap adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi suku kaum Tidung dan membincangkan cara untuk mengekalkan adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi suku kaum Tidung.

Hasil kajian objektif yang pertama, pengkaji dapat mengenalpasti adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi suku kaum Tidung. Bagi mendapatkan informasi mengenai adat dan pantang larang pengkaji telah menggunakan kaedah

temubual yang melibatkan beberapa orang penduduk kampung Kalabakan yang arif mengenai perkahwinan suku kaum Tidung untuk ditemubual. Hasil dapatan kajian telah mengenalpasti beberapa adat perkahwinan sama ada sebelum, semasa dan selepas perkahwinan seperti upacara melambung, upacara berbedak, mengusung dan banyak lagi adat yang suku kaum Tidung ini amalkan dalam perkahwinan. Manakala dari segi pantang larang pula, terdapat satu keunikan yang suku kaum Tidung ini amalkan iaitu tidak boleh pergi ke tandas selama 3 hari berturut-turut bagi kedua pengantin. temubual yang melibatkan beberapa orang penduduk kampung Kalabakan yang arif mengenai perkahwinan suku kaum Tidung untuk ditemubual. temubual yang melibatkan beberapa orang penduduk kampung Kalabakan yang arif mengenai perkahwinan suku kaum Tidung untuk ditemubual. Hasil dapatan kajian telah mengenalpasti beberapa adat perkahwinan sama ada sebelum, semasa dan selepas perkahwinan seperti upacara melambung, upacara berbedak, mengusung dan banyak lagi adat yang suku kaum Tidung ini amalkan dalam perkahwinan. Manakala dari segi pantang larang pula, terdapat satu keunikan yang suku kaum Tidung ini amalkan iaitu tidak boleh pergi ke tandas selama 3 hari berturut-turut bagi kedua pengantin.

Seterusnya, bagi objektif kedua pula mengkaji sejauhmana penerimaan generasi muda terhadap adat dan pantang larang dalam perkahwinan suku kaum Tidung. Pengkaji telah mencari beberapa responden yang melibatkan generasi muda untuk ditemubual yang berumur dalam lingkungan 18-25 tahun dan mereka dipilih secara rawak untuk menjawab beberapa soalan daripada pengkaji. Hasil kajian mendapati bahawa generasi muda ini bersetuju untuk meneruskan adat perkahwinan masyarakat Tidung kerana pada pandangan mereka suku kaum Tidung ini mempunyai keunikan adat yang tersendiri dan ia perlu diketahui oleh orang ramai.

Akhir sekali, bagi objektif yang terakhir iaitu membincangkan cara untuk mengekalkan adat dan pantang larang dalam perkahwinan suku kaum Tidung. Pengkaji telah memilih beberapa responden sama ada golongan tua atau muda ditemubual bagi menjawab persoalan serta pengkaji juga telah menggunakan kaedah kepustakaan bagi memastikan objektif ketiga ini tercapai. Hasil dapatan kajian tersebut telah menghasilkan beberapa langkah atau cara yang boleh digunapakai bagi mengekalkan adat dan pantang larang dalam perkahwinan suku kaum Tidung seperti

mewujudkan tempat pameran, menerbitkan satu dokumentari, membuat penyelidikan dan lain-lain.

Secara keseluruhannya, hasil dapatan bagi kajian ini telah dilakukan sehabis baik dengan mengikuti objektif yang ditetapkan oleh pengkaji. Selain daripada itu, pengkaji juga ada mengambil inisiatif lain bagi mencapai matlamat objektif tersebut melalui kaedah kepustakaan dan sumber daripada laman sesawang. Penggunaan kaedah yang pelbagai juga dapat menambahkan pengetahuan pengkaji untuk mengetahui beberapa sumber yang dapat digunapakai bagi memperoleh maklumat berkaitan kajian ini.

5.3 CADANGAN

Adat dan pantang larang merupakan lambang atau identiti terhadap sesuatu kaum yang sudah semestinya harus dikekalkan agar generasi yang akan datang dapat mengenali serta mempelajari agar warisan tidak pupus dan dapat dimanfaatkan oleh kelompok masyarakat. Oleh yang demikian, bagi mengekalkan warisan ini langkah proaktif serta bijak perlu dilakukan agar warisan ini dapat dipelihara dengan baik. Secara tidak langsung, cadangan bagi memastikan adat dan pantang larang ini dapat dilestarikan dengan baik haruslah dilakukan dengan mempelbagaikan pelaksanaan idea baharu agar adat resam warisan ini tidak lapuk dek arus pemodenan.

5.3.1 Peranan Kerajaan

Pihak kerajaan harus membuat atau menyumbangkan penyediaan dana untuk diberikan kepada institusi-institusi yang bertanggungjawab dalam mempamerkan berkaitan adat perkahwinan sesuatu kaum seperti suku kaum Tidung sama ada dari segi pakaian pengantin dan para penari, perhiasan, alat muzik, dan sebagainya yang berkaitan dengan perkahwinan suku kaum tersebut. Dapat dilihat bahawa, pihak kerajaan memainkan peranan yang penting dalam memastikan budaya serta adat dalam perkahwinan masyarakat Tidung ini dapat dipromosikan kepada masyarakat

luar untuk lebih dikenali dengan pemberian sumbangan dana daripada pihak kerajaan tersebut.

5.3.2 Peranan Sekolah

Selain daripada pihak kerajaan dapat dilihat pihak sekolah juga turut memainkan peranan yang penting bagi melestarikan atau meneruskan adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi masyarakat Tidung. Ia dapat dikekalkan dengan mewujudkan satu kelab atau persatuan yang berhubungkait dengan perkahwinan seperti kelab kebudayaan yang mana dalam sesi pengajaran hendaklah diselitkan sekali berkaitan adat dan pantang larang sesuatu kaum sama ada dalam aspek sosial iaitu perkahwinan. Oleh itu, pihak yang terlibat dalam memastikan adat dan pantang larang perkahwinan dapat diketahui oleh setiap lapisan masyarakat terutamanya golongan muda kerana mereka merupakan pelapis bagi meneruskan adat ini haruslah memainkan peranan mereka seperti bergiat aktif dalam kelab atau persatuan dengan mengadakan aktiviti atau program yang melibatkan warisan kebudayaan.

5.3.3 Peranan Masyarakat

Masyarakat setempat juga berperanan dalam memastikan adat dan pantang larang dalam perkahwinan ini dapat dipelihara untuk generasi akan datang. Oleh itu, masyarakat setempat terutamanya penduduk kampung Kalabakan yang berbangsa Tidung hendaklah mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan keunikan budaya mereka lebih-lebih lagi dalam perkahwinan kepada suku kaum lain agar adat dan pantang larang yang mereka amalkan dapat diketahui dan memberikan pengetahuan yang baru kepada suku kaum tersebut. Secara tidak langsung, kesemua kelompok masyarakat akan bersama-sama berganding bahu bagi membuat sebuah perancangan yang sistematik agar warisan bangsa sesebuah kaum itu tidak lupus ditelan arus pemodenan.

5.3.4 Peranan Individu

Peranan individu turut mempunyai fungsinya yang tersendiri bagi menjamin serta mengekalkan kebudayaan dengan melakukan pelbagai kaedah agar warisan kebudayaan dapat dipelihara dengan baik. Oleh yang demikian, seseorang individu dalam setiap kaum hendaklah mempunyai perasaan atau semangat ingin tahu yang tinggi dalam meneruskan adat dan budaya yang ada dalam suku kaum mereka sendiri sama ada adat resam dari segi kematian, perkahwinan, mengandung dan banyak lagi. Sebagai contoh, golongan generasi muda dalam suku kaum Tidung haruslah membuka mata dan minda mereka dalam mempelajari berkaitan adat serta pantang larang yang ada dalam suku kaum mereka yang mana pada awalnya adat dan pantang larang ini telah hampir dilupakan sesetengah masyarakat disebabkan oleh percampuran budaya serta perkembangan arus pembangunan. Justeru itu, setiap golongan individu hendaklah memainkan peranan bagi memastikan setiap budaya dalam suku kaum mereka dapat dikekalkan serta dipelihara dengan baik.

5.4 RUMUSAN

Secara kesimpulannya, berdasarkan hasil kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji mendapati bahawa pengamalan adat dan pantang larang dalam perkahwinan suku kaum Tidung di Kampung Kalabakan menunjukkan hasil dapatan kajian hampir kesemua penduduk yang berbangsa Tidung mengetahui berkaitan adat resam kaum mereka lebih-lebih lagi dalam aspek perkahwinan. Dalam sesebuah upacara perkahwinan ini ia meliputi beberapa perkara yang harus dilakukan sepanjang tempoh acara atau majlis perkahwinan ini berjalan seperti merisik, melamar, meminang, bertunang, akad nikah, berkahwin dan sebagainya merupakan simbol yang sinonim dalam upacara perkahwinan akan tetapi terdapat perbezaan yang ketara dalam melaksanakannya oleh sesuatu kaum kerana mereka berpandukan ajaran nenek moyang yang terdahulu. Dapat dilihat bahawa, adat resam ini dapat menjadi sebagai salah satu identiti sesuatu kaum itu wujud lebih-lebih lagi seperti warisan tidak ketara yang ada dalam masyarakat Tidung.

Justeru itu, adat memainkan peranan yang penting dalam membuat satu peraturan yang bertujuan untuk mengatur suatu kelompok masyarakat agar menjadi lebih tertib dan sopan. Walau bagaimanapun, dalam konteks perkahwinan bagi masyarakat Tidung kebanyakan dari mereka masih mengamalkan adat resam dalam perkahwinan namun tidak seperti masyarakat dahulu yang kuat pegangannya kerana bagi masyarakat pada masa kini mereka telah membawa ajaran Islam dalam pelaksanaan adat disebabkan sesetengah amalan adat yang diamalkan terdapat unsur khurafat walhal ia adat yang telah diamalkan oleh nenek moyang kita bagi mengelakkan berlaku sebarang bala atau musibah kepada pasangan pengantin kelak.

Oleh yang demikian, pengkaji yang akan melakukan kajian selanjutnya mengenai kajian ini hendaklah dapat membuat kajian dengan lebih terperinci mengenai adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi suku kaum Tidung. Selain itu juga, peranan pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam memastikan adat dan pantang larang perkahwinan seperti pihak kerajaan, masyarakat, sekolah, generasi muda dan individu hendaklah memainkan peranan mereka agar warisan dapat dilestarikan dengan baik. Tambahan pula, masyarakat pada masa kini hendaklah bijak dalam memanfaatkan penggunaan teknologi yang moden ke arah lebih bermanfaat seperti membuat carian ilmiah berkaitan warisan bagi menambah lagi ilmu pengetahuan mereka. Akhir sekali, pengkaji berharap melalui hasil dapatan kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji dapat memberikan serba sedikit informasi kepada masyarakat serta ia juga boleh dimanfaatkan oleh generasi muda untuk kegunaan mereka pada masa akan datang.


MALAYSIA
KELANTAN


RUJUKAN

- Ismail, D. A. (2012). Adat Perkahwinan Masyarakat Jawi Peranakan India Islam Di Pulau Pinang. *Jurnal Melayu*, 2-12.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Muammar Ghaddafi Hanafiah, Yusmilayati Yunos, & Norizam Jamian. (2017). Pemuliharaan pENGUBATAN MELAYU DALAM PERSPEKTIF Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) . *Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya*, 2-24.
- Nassir, N., Low, K., Ibrahim, I., & Hussin, S. (2017). Unsur Kepercayaan dan Kearifan Tempatan dalam Memorat Perubatan Tradisional Etnik Murut Tahol di Sabah. *Kemanusiaan Vol. 24, No. 2, (2017)*, 59–88, 61-85.
- Nurazzura Mohamad Diah. (2014). An Overview of the Anthropological Theories. *International Journal of Humanities and Social Science*, 156-163.
- Omar Yusoff1, N. M. (2010). Daripada Jawi Peranakan Kepada Melayu: Tinjauan Terhadap Komuniti Jawi Peranakan Di Pulau Pinang Pada Abad Ke-21. *Myjurnal*, 63-82.
- Penulis, P. (2013). Adat Resam Dan pantang Larang Di Sabah. In R. Majumah, *Adat Resam Dan Pantang Larang Suku Rungus* (pp. 52-75). Kuala Lumpur: Utusan Printcorp Sdn. Bhd.
- Penulis, P. (2013). Adat Resam Dan Pantang Larang Suku Kaum Bajau Sama. In R. Taim, *Adat Resam Dan Pantang Larang Suku Kaum Di Sabah* (pp. 8-26). Kuala Lumpur: Utusan Printcorp Sdn. Bhd.

- Penulis, P. (2013). Adat Resam Dan Pantang Larang Suku Kaum Di Sabah. In R. Lasimbang, *Adat Resam Dan Pantang Larang Suku Kaum Kadazan* (pp. 27-51). Kuala Lumpur: Utusan Printcorp Sdn. Bhd.
- Penulis, P. (2013). Adat Resam Dan Pantang Larang Suku Kaum Di Sabah. In S. A. Lokin, *Adat Resam Dan Pantang Larang Suku Bisaya* (pp. 76-108). Kuala Lumpur: Utusan Printcorp Sdn. Bhd.
- Yusoff, M. Y. (2018). Pemuliharaan Warisan Budaya Melalui Perundangan Warisan Dan Agensi Pelaksana Di Malaysia . *Jurnal Melayu*, 144-157.
- Yusoff, Y., Hanapi, D., Ab. Samad Kechot, & Mohamed Anwar Omar Din. (2010). Pembangunan Warisan di Malaysia: Tinjauan Umum Tentang Dasar. *Jurnal Melayu*, 273-280.
- Zamani, N., & Hassan, H. (2018). Bahasa Pantang Larang Masyarakat Melayu Dan Hubungannya Dengan Prinsip Relevans Kognitif Dan Prinsip Relevans Komunikati. *Jurnal Pengajian Melayu*, 123-150.
- Mengenai, K., Perkahwinan, A., Peranakan, M., Islam, I., Pinang, P., Dari, M., ... Daud, B. (n.d.). *Jurnal Perspektif Jil. 5 Bil, 2*, 121–131. Retrieved from http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/30139/9.PDF

LAMPIRAN A





LAMPIRAN B

Soalan Temubual

TAJUK : ADAT DAN PANTANG LARANG DALAM PERKAHWINAN SUKU KAUM TIDUNG DI KAMPUNG KALABAKAN

Objektif 1

-Mengenalpasti Adat Dan Pantang Larang Dalam Perkahwinan Bagi Suku Kaum Tidung

1. Adakah adat dan pantang larang dalam perkahwinan kaum Tidung masih lagi diamalkan sehingga kini ?
2. Apakah adat yang dijalankan sebelum, semasa, selepas perkahwinan bagi suku kaum Tidung ?
3. Adakah terdapat pantang larang dalam perkahwinan suku kaum Tidung sama ada sebelum, semasa ataupun selepas ?

Objektif 2

- Mengkaji Sejauhmana Penerimaan Generasi Muda Terhadap Adat Dan Pantang Larang Dalam Perkahwinan Bagi Suku Kaum Tidung

1. Pada pendapat anda, adakah penggunaan adat dan pantang larang dalam aspek perkahwinan masih relevan untuk digunapakai pada masa kini ?
2. Sejauhmana anda mengetahui tentang adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi masyarakat Tidung
3. Pada pendapat anda, adakah adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi suku kaum Tidung ini dapat diteruskan untuk generasi akan datang?

Objektif 3

- Membincangkan Cara Untuk Mengekalkan Adat Dan Pantang Larang Dalam Perkahwinan Bagi Suku Kaum Tidung

1. Apakah cara untuk memastikan adat dan pantang larang dalam perkahwinan bagi suku kaum Tidung ini terpelihara untuk generasi akan datang ?
2. Adakah terdapat sebarang aktiviti atau program yang boleh dilakukan untuk memastikan adat dan pantang larang perkahwinan ini sentiasa terpelihara?